Bil. 4

Khamis
29 Julai 2021

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN
# DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KHAS

## K A N D U N G A N

**PENERANGAN DARIPADA YB. MENTERI KEWANGAN
DI BAWAH P.M. 14(1)(i):**
– Langkah dan Strategi Semua Pakej Rangsangan Ekonomi (Halaman 19)

Diterbitkan Oleh:
SEKSYEN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2021

**SENARAI KEHADIRAN AHLI-AHLI PARLIMEN**
**29 JULAI 2021**

**Ahli-Ahli Yang Hadir:**

1. YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob (Bera)
2. YB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
3. YB. Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof (Petrajaya)
4. YB. Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein (Sembrong)
5. YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)
6. YB. Datuk Seri Panglima Dr.Maximus Johnity Ongkili (Kota Marudu)
7. YB. Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man (Kubang Kerian)
8. YB. Datuk Seri Rina binti Mohd Harun (Titiwangsa)
9. YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)
10. YB. Datuk Seri Mohd Redzuan bin Yusof (Alor Gajah)
11. YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran)
12. YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli)
13. YB. Dato' Seri Hamzah bin Zainudin (Larut)
14. YB. Dato' Saifuddin Abdullah (Indera Mahkota)
15. YB. Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing)
16. YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa (Ketereh)
17. YB. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah (Lenggong)
18. YB. Datuk Halimah binti Mohamed Sadique (Kota Tinggi)
19. YB. Dato Sri Alexander Nanta Linggi (Kapit)
20. YB. Dato' Sri Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong)
21. YB. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong)
22. YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan (Kota Bharu)
23. YB. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali (Kuala Nerus)
24. YB. Dato' Eddin Syazlee bin Shith (Kuala Pilah)
25. YB. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz (Tanah Merah)
26. YB. Tuan Muslimin bin Yahaya (Sungai Besar)
27. YB. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali (Bagan Serai)
28. YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Hj. Samsudin (Masjid Tanah)
29. YB. Dato' Rosol bin Wahid (Hulu Terengganu)
30. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau)
31. YB. Tuan Jonathan bin Yasin (Ranau)
32. YB. Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)
33. YB. Tuan Ali bin Biju (Saratok)
34. YB. Tuan Willie Anak Mongin (Puncak Borneo)
35. YB. Datuk Abd. Rahim bin Bakri (Kudat)
36. YB. Datuk Haji Shabudin bin Yahaya (Tasek Gelugor)
37. YB. Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad (Lipis)
38. YB. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib (Maran)
39. YB. Tuan Mohd Shahar bin Abdullah (Paya Besar)
40. YB. Datin Mastura binti Mohd Yazid (Kuala Kangsar)
41. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah (Jasin)
42. YB. Datuk Zahidi bin Zainul Abidin (Padang Besar)
43. YB. Dato' Henry Sum Agong (Lawas)
44. YB. Datuk Aaron Ago Dagang (Kanowit)
45. YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah (Limbang)
46. YB. Dato' Hajah Hanifah Hajar Taib (Mukah)
47. YB. Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan (Keningau)
48. YB. Tuan Arthur Joseph Kurup (Pensiangan)
49. YB. Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang)
50. YB. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi. (Tumpat)
51. YB. Tuan Haji Awang bin Hashim (Pendang)
52. YB. Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim (Kuala Terengganu)
53. YB. Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng (Tanjung Piai)
54. YB. Dato' Mohd Rashid bin Hasnon (Batu Pahat)
55. YB. Dato' Sri Azalina Othman Said. (Pengerang)
56. YB. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Pekan)
57. YB. Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem (Serian)
58. YB. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh (Besut)
59. YB. Tan Sri Noh bin Haji Omar (Tanjong Karang)
60. YB. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman (Pasir Salak)
61. YB. Dato' Seri Mahdzir bin Khalid (Padang Terap)

62. YB. Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim (Arau)
63. YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan (Pontian)
64. YB. Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub (Machang)
65. YB. Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh (Pasir Puteh)
66. YB. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Bachok)
67. YB. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli (Dungun)
68. YB. Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya)
69. YB. Dato' Sri Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan)
70. YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria (Parit)
71. YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin (Rompin)
72. YB. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz (Padang Rengas)
73. YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari (Pasir Mas)
74. YB. Tuan Sabri bin Azit (Jerai)
75. YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman (Sik)
76. YB. Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir (Setiu)
77. YB. Tuan Che Alias bin Hamid (Kemaman)
78. YB. Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris (Jerantut)
79. YB. Dato' Haji Jalaluddin bin Alias (Jelebu)
80. YB. Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu (Tambun)
81. YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakeh (Sabak Bernam)
82. YB. Datuk Dr. Shahruddin Bin Md. Salleh (Sri Gading)
83. Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman (Kuala Krai)
84. YB. Dato' Haji Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Jempol)
85. YB. Datuk Zakaria bin Mohd Edris (Libaran)
86. YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa (Sipitang)
87. YB. Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong (Hulu Rajang)
88. YB. Puan Rubiah binti Wang (Kota Samarahan)
89. YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun (Beaufort)
90. YB. Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar)
91. YB. Datuk Robert Lawson Chuat (Betong)
92. YB. Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi (Igan)
93. YB. Tuan Yusuf bin Abd Wahab (Tanjong Manis)
94. YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni (Sibuti)
95. YB. Tuan Anyi Ngau (Baram)
96. YB. Datuk Mohamad bin Alamin (Kimanis)
97. YB. Tuan Ramli Bin Dato’ Mohd Nor (Cameron Highlands)
98. YB. Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bukit Gantang)
99. YB. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim (Port Dickson)
100. YB. Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kota Raja)
101. YB. Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
102. YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail (Kulim Bandar Baharu)
103. YB. Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub (Pulai)
104. YB. Dato' Johari bin Abdul (Sungai Petani)
105. YB. Tuan Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
106. YB. Tuan Loke Siew Fook (Seremban)
107. YB. Puan Fuziah binti Salleh (Kuantan)
108. YB. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
109. YB. Dato’ Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Kuala Langat)
110. YB. Datuk Seri Shamsul Iskandar @Yusre bin Mohd Akin (Hang Tuah Jaya)
111. YB. Tuan Sim Tze Tzin (Bayan Baru)
112. YB. Tuan R. Sivarasa (Sungai Buloh)
113. YB. Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik (Balik Pulau)
114. YB. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Pandan)
115. YB. Tuan Lim Kit Siang (Iskandar Puteri)
116. YB. Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
117. YB. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
118. YB. Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor)
119. YB. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Segambut)
120. YB. Puan Teo Nie Ching (Kulai)
121. YB. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin (Sepang)
122. YB. Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
123. YB. Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji (Raub)
124. YB. Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa (Parit Buntar)
125. YB. Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
126. YB. Puan Yeo Bee Yin (Bakri)
127. YB. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal (Semporna)

128. YB. Tuan Sim Chee Keong (Bukit Mertajam)
129. YB. Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kapar)
130. YB. Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
131. YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Permatang Pauh)
132. YB. Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
133. YB. Tuan Chong Chieng Jen (Stampin)
134. YB. Puan Kasthuriraani a/p Patto (Batu Kawan)
135. YB. Tuan Wong Chen (Subang)
136. YB. Tuan Lim Lip Eng (Kepong)
137. YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee (Damansara)
138. YB. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
139. YB. Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh (Bukit Gelugor)
140. YB. Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
141. YB. Puan Nor Azrina binti Surip (Merbok)
142. YB. Datuk Wira Haji Mohd Anuar Mohd Tahir (Temerloh)
143. YB. Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
144. YB. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Setiawangsa)
145. YB. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang)
146. YB. Tuan Su Keong Siong (Kampar)
147. YB. Tuan Wong Kah Woh (Ipoh Timur)
148. YB. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Wangsa Maju)
149. YB. Puan Wong Shu Qi (Kluang)
150. YB. Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu (Batu Gajah)
151. YB. Dr. Azman bin Ismail (Kuala Kedah)
152. YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)
153. YB. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad (Langkawi)
154. YB. Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir (Jerlun)
155. YB. Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang)
156. YB. Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman (Muar)
157. YB. Datuk Ignatius Darell Leiking (Penampang)
158. YB. Dr. Maszlee bin Malik (Simpang Renggam)
159. YB. Datuk Mohamaddin bin Ketapi (Lahad Datu)
160. YB. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
161. YB. Tuan Nga Kor Ming (Teluk Intan)
162. YB. Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah (Kubang Pasu)
163. YB. Datuk Mohd Azis bin Jamman (Sepanggar)
164. YB. Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau (Tuaran)
165. YB. Tuan Baru Bian (Selangau)
166. YB. Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Farkharudy (Kota Belud)
167. YB. Tuan Ma'mun bin Sulaiman (Kalabakan)
168. YB. Puan Hajah Natrah Binti Ismail (Sekijang)
169. YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)
170. YB. Tuan Hassan bin Abdul Karim (Pasir Gudang)
171. YB. Tuan Kesavan a/l Subramaniam (Sungai Siput)
172. YB. Tuan Chang Lih Kang (Tanjong Malim)
173. YB. Tuan Wong Tack (Bentong)
174. YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (Bandar Kuching)
175. YB. Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir (Johor Baru)
176. YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)
177. YB. Tuan Noor Amin bin Ahmad (Kangar)
178. YB. Tuan Karupaiya a/l Mutusami (Padang Serai)
179. YB. Tuan Teh Kok Lim (Taiping)
180. YB. Puan Noorita Binti Sual (Tenom)
181. YB. Puan Rusnah Binti Aluai (Tangga Batu)
182. YB. Puan Vivian Wong Shir Yee (Sandakan)
183. YB. Datuk Christina Liew Chin Jin (Tawau)
184. YB. Puan June Leow Hsiad Hui (Hulu Selangor)
185. YB. Puan Maria Chin binti Abdullah (Petaling Jaya)
186. YB. Tuan Cha Kee Chin (Rasah)
187. YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji (Jelutong)
188. YB. Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)
189. YB. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil (Lembah Pantai)
190. YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon (Tebrau)
191. YB. Tuan Awang Husaini bin Sahari (Putatan)
192. YB. Tuan Jugah Ak Muyang @ Tambat (Lubok Antu)
193. YB. Tuan Pang Hok Liong (Labis)
194. YB. Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)

195. YB. Datuk Rozman bin Isli (Labuan)
196. YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan (Papar)
197. YB. Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (Julau)
198. YB. Tuan Prabakaran a/l M. Parameswaran (Batu)
199. YB. Tuan Khoo Poay Tiong (Kota Melaka)
200. YB. Tuan Mordi anak Bimol (Mas Gading)
201. YB. Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus (Hulu Langat)
202. YB. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom (Tampin)
203. YB. Tuan Wong Ling Biu (Sarikei)

**Ahli-Ahli Yang Tidak Hadir:**

1. YAB. Tan Sri Mahiaddin bin Mohd Yassin (Pagoh)
2. YB. Datuk Seri M. Saravanan (Tapah)
3. YB. Puan Zuraida binti Kamaruddin (Ampang)
4. YB. Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican (Kepala Batas)
5. YB. Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau)
6. YB. Datuk Seri Dr. Adham bin Baba (Tenggara)
7. YB. Dato' Kamarudin Jaffar (Bandar Tun Razak)
8. YB. Dato' Mansor Othman (Nibong Tebal)
9. YB. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary (Pengkalan Chepa)
10. YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datuk)
11. YB. Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
12. YB. Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu)
13. YB. Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim (Baling)
14. YB. Dato' Masir Kujat (Sri Aman)
15. YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli (Lumut)
16. YB. Tuan Ong Kian Ming (Bangi)
17. YB. Dr. Michael Teo Yu Keng (Miri)

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**
Nor Yahati binti Awang

**Setiausaha Dewan Rakyat**
Nizam Mydin bin Bacha Mydin

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**
Amisyahrizan bin Amir Khan

**PETUGAS-PETUGAS**
**SEKSYEN PENYATA RASMI (HANSARD)**
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin
Halijah binti Mat Sin
Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Mohamad Basil Hazman bin Baharom
Siti Norlina binti Ahmad
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Noraidah binti Manaf

Nor Liyana binti Ahmad
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Nor Effazimmah binti Maliki
Nur Annisa binti Hamid
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim
Nur Hazwanie binti Mohd Rozali
Nurul Atikah binti Basrudin
Yoogeswari a/p Muniandy
Encik Muhamad Fazal bin Mahat
Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Hizamihatim Maggisa bin Juarah
Muhammad Firdaus bin Ahmad
Izzul Syazwan bin Abdul Halim
Maryam binti Azinuddin
Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili
Nurul Syakirah binti Ibrahim
Suhaila binti Sariffuddin
Siti Fatimah Nurain binti Mohamad
Nor Afina binti Mohamed Rashid
Nik Muhammad Ismail bin Karim

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KHAS**

**Khamis, 29 Julai 2021**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

---

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Peraturan Mesyuarat 14(1)(g) dan (i). Ini berkaitan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat kesempatan menyampaikan pandangan mereka dalam sesi ini kerana sangat terbatas. Saya faham kekangannya dan saya bersetuju dengan apa yang diumumkan oleh Tuan Yang di-Pertua sebelum ini bahawa ada kekangan bersabit dengan ketetapan yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan mengenai COVID-19.

Akan tetapi, saya minta pertimbangan Tuan Yang di-Pertua, bincang dengan Yang Berhormat Menteri untuk menambah hari. Umpamanya, isu pendidikan tidak dapat dibahaskan secara terperinci. Beberapa isu kesihatan dan COVID-19 juga ramai yang tidak dapat menyampaikan pandangan.

Jadi kalau boleh dengan semua perbatasan waktu selama tiga jam, empat jam untuk hari-hari berikut, itu kita boleh terima. Akan tetapi, saya minta pertimbangan kerana ramai Ahli Yang Berhormat tidak dapat menyampaikan pandangan mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Secara kebetulan...

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kejap. Secara kebetulan saya pun hendak menyatakan sesuatu tentang masa ini.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap. Tentang masa ini terdapat banyak orang kata persepsi yang tidak betullah di luar sana. Boleh jadi juga kerana diperbincangkan pun dengan secara yang salah dalam Dewan ini.

Sebenarnya, bukanlah menjadi kuasa saya untuk menambah masa. Aturan 12(1) mengatakan, *"tiap-tiap persidangan Majlis hendaklah dimulakan pada pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari dan disambung semula dari pukul 2.30 petang hingga 5.30 petang atau lebih awal lagi setelah selesai atau ditangguhkan urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat."*

Peraturan 12(3) pula menyatakan, ini kuasa saya. *"Tuan Yang di-Pertua boleh melanjutkan masa Mesyuarat selepas pukul 5.30 petang atau selepas apa-apa masa yang telah ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat setakat yang tidak melebihi 15 minit saja".* Itu saja kuasa saya. Itulah sebab pada hari-hari, tiap-tiap hari bila saya duduk yang terakhir itu untuk pengerusikan Mesyuarat, saya terus gunakan kuasa ini, budi bicara ini untuk melanjutkan masa hingga pukul 5.45 petang. Maksimum sudah, maksimum. Saya pun dah kata banyak kali tentang perkara ini. Okey, tapi...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap. Akan tetapi, 12(1) ada proviso. Ada proviso. Provisonya mengatakan sebegini. Saya petik, *"...Dengan syarat bahawa sesuatu usul yang akan diputuskan tanpa pindaan atau perbahasan boleh dikeluarkan oleh seorang Menteri pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan untuk mengubah waktu persidangan Majlis"*. Jadi, terpulang sebenarnya kepada Yang Berhormat Menteri untuk

berbuat demikian sekiranya beliau mendapati sesuai dan beliau setuju dengan perkara untuk memanjangkan atau memendekkan ataupun meminda waktu persidangan. Itu saya hendak bagi peneranganlah.

Jadi kalau terdapat apa-apa cadangan seperti yang Yang Berhormat Ketua Pembangkang nyatakan tadi, maka perlulah di – orang kata dibincangkan dengan Yang Berhormat Menterilah. Bagi saya kalau ada usul tersebut, maka saya ikutlah keputusan Dewan.

*So,* saya hendak sekali lagilah saya hendak tegaskan bahawa kuasa ini bukan kuasa saya. Selama 15 minit sudah – Saya maksimum sudah. Itu kuasa saya. Saya harap penerangan tersebut diterima oleh Yang Berhormat.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin bagi ruang untuk kami merayu kepada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat perlu tekan sekali lagi.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Saya terima baik penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itu, saya sebut di sini bahawa Tuan Yang di-Pertua selaras dengan Menteri berkenaan. Ini kerana, Menteri berkenaan yang ada, saya pohon penjelasan ataupun jawapan daripada beliau ke atas permohonan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membolehkan lebih ramai mengambil bahagian dalam penerangan atau perbincangan. Kalau pun ditambah hari, tidak semestinya jam 10.00 pagi sampai 5.30 petang. Maka kalau hendak dikatakan ikut kekangan yang ditetapkan, kita hadkan tempoh masa pun tidak apa. Akan tetapi, itu yang kita pohon pertimbangan kalau boleh Tuan Yang di-Pertua izinkan Menteri beri penjelasan sekarang saya hargai.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa Yang Berhormat yang belakang itu tadi.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Yang Berhormat Batu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Pasir Gudang dulu dan Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang belakang, Yang Berhormat. Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Pasir Gudang dulu.

**■1010**

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tiga minit sahaja. Pasir Gudang ingin mengemukakan satu perkara penting. Hari ini merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, hari ini 29 Julai. Dimaklumkan dalam Dewan ini Proklamasi Darurat tidak akan disambungkan, maknanya akan tamat pada 1 Ogos yang dekat ini.

Jadi, saya ingin membantu Dewan dan membantu juga kerajaan, kita di sini kedua-dua pihak bersetuju bahawa Proklamasi Darurat ini hendak dibatalkan, *revoke* atau *annulment.* Kedua-dua kita bersetuju dan Ordinan Darurat ada tujuh saya lihat yang telah dibentangkan atas meja kita dan telah dimaklumkan Kabinet telah membatalkan, itu bagus, kami setuju.

Akan tetapi ada baiknya prosedur pembatalan Proklamasi Darurat dan juga ordinan-ordinan itu kita buat mengikut *due* proses Perlembagaan dan undang-undang yang betul, dengan tertib. Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, kita akan bagi ruang untuk Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkannya, tiada masalah tetapi kita selesaikan perkara ini. Banyak implikasinya jika Proklamasi Darurat dan ordinan ini dibatalkan dengan tidak teratur akan timbul banyak masalah.

Jadi, saya mohon pada Tuan Yang di-Pertua kerana proses undang-undang bukan berada di tangan Kabinet tetapi di dalam Dewan Parlimen ini dan Perlembagaan itu *supreme*, jadi saya mohon. Terima kasih kepada pihak Dewan dan kerajaan yang telah membentangkan dokumen-dokumen itu atas meja kami. Saya mohon sedikit masa Dewan ini, kita bincang sedikit, sama-sama kita tamatkan, kita batalkan dan kemudian kita kemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan, *due* proses itu kita lakukan sebaik-baiknya untuk rakyat dan negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya perlu jawab...

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, belakang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya perlu jawab Yang Berhormat Pasir Gudang dahulu, boleh? Apakah perkara yang sama?

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Perkara sama.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Perkara sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau perkara sama, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Sini sama, Tuan Yang di-Pertua. *[Mengangkat tangan]* Tuan Yang di-Pertua tidak nampak belakang.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya perasan mikrofon ini kalau empat orang atau lebih tekan butang pada masa yang sama ia akan tidak bunyi terus.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun masukkan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(q) dan juga dibaca bersama 36(12).

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, usul...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Pagi semalam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Jadi, saya hanya minta adakah satu keputusan dibuat berkenaan perkara itu Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf Yang Berhormat belum, saya baru dapat surat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri pagi tadi. Beri saya sedikit masa lagi untuk baca penjelasan itu semua kemudian saya akan buat keputusan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh saya dapat, lebih kurang bila?

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua sini, Batu, Batu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hari ini lah*...*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *More or less when? Today?*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengenai Yang Berhormat Sepang juga serupa tetapi saya kena jumpa Yang Berhormat Sepang sedikit untuk *discuss* pasal permohonan Yang Berhormat Sepang untuk saya *refuse* itu. Boleh saya jumpa Yang Berhormat Sepang selepas pukul 11 pagi nanti. Ya?

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, Batu, Batu, belakang.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya nak kena jawab Yang Berhormat Pasir Gudang dahulu, Yang Berhormat Pasir Gudang. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang kerana menimbulkan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kita dengar dahulu usul-usul berkenaan Peraturan 12 ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tumpang saya ingat, tumpang saya ingat Yang Berhormat Pasir Gudang, sebab saya ini *impromptu* ya. *[Ketawa]* Tumpang saya ingat. Mengenai apa Yang Berhormat Pasir Gudang timbulkan itu, itu ialah mengenai 150(3) lah sebenarnya ya. Saya tidak boleh buat apa itu interpretasi 150(3) sebagai seorang peguam dalam Dewan ini kerana itu bukan kuasa saya tetapi sefahaman saya 150(3) itu dia ada tiga elemen.

Satu elemen, dia kata Proklamasi Darurat atau apa-apa ordinan yang dibuat mestilah dibentangkan di dalam Dewan apabila Parlimen bersidang, *laid. Laid before the*

*Parliament. First element*. Bahagian kedua pada 150(3) itu. Bahagian keduanya, frasanya ialah *unless sooner revoke, unless sooner revoke* ya. Jadi nombor satunya, perlu dibentangkan, *must be laid.* Kedua, frasa yang penting ialah *'unless sooner revoke'.* Frasa yang kedua yang penting ya.

Kemudian frasa yang ketiga, elemen yang ketiga yang menjadi buah perbincangan kita selalu. *The House may – sorry, both of the Houses may resolve to annul*. *So,* dia tiga elemen ya. Satu, *must be laid before the House,* mesti dibentangkan di dalam Dewan. Kedua, *unless sooner revoke*, kecuali telah dibatalkan terlebih awal. Ketiga, kedua-dua Dewan boleh menetapkan atau membuat ketetapan atau resolusi untuk dalam bahasa Inggerisnya *annulled* atau dalam bahasa Malaysianya ungkai.

Okey, keperluan untuk membentangkan Proklamasi Darurat ataupun ordinan-ordinan yang telah dibuat itu adalah amat terang dan nyata dalam 150(3). Akan tetapi persoalannya sekarang apakah ia perlu didebat, dibahas dan sebagainya. Ini pendapat saya, pendapat saya. Perlembagaan Persekutuan itu adalah satu undang-undang yang amat *specific,* penggunaan bahasa yang digunakan dalam Perlembagaan Persekutuan itu amat *specific*. *It is chosen deliberately* dengan izin, semua perkataan itu *is chosen deliberately*. *So*, di dalam 150(3) penggunaannya pun *very deliberate, must be laid.*

Dia tidak kata *must be table* sebagai contohnya. Kita buat *comparison* dengan Artikel 100 mengenai *supply bill. So,* dia kata *every year there must be a supply bill tabled. So,* apabila jadi *bill* itu dia rang undang-undang lah, apabila rang undang-undang itu, *of course* kita kena ada bacaan pertama, kedua, bahas, jawatankuasa dan bacaan ketiga *because* dia kata, dia kata, *supply bill* ya.

Kita kontraskan kepada Artikel 99 sebagai *comparison* Yang Berhormat. Artikel 99 merujuk kepada *annual financial statement. So,* dia kata, *"The Yang di- Pertuan Agong shall, in respect of every financial year, cause to be laid before the House of Representatives a statement of the estimated receipts and expenditure of the Federation..." So, again* 99, ia tidak kata bill, ia *very specific*, dia kata *laid. So, every year* masa *budget* itu kita *lay, government* akan *lay annual financial statement* dan apabila *laid* itu tidak adalah perbahasan mengenai *annual financial statement* itu. Kita cuma ada perbahasan mengenai *budget* sahaja.

*So, that is why I said the Constitution* ini dengan izin, menggunakan perkataan-perkataan yang amat spesifik *and these words* dengan izin, *are chosen deliberately, it is not willingly, deliberately.* Dia ada maknanya yang tersendiri, maknanya yang tersendiri.

*So,* 150(3) dia kata *laid*. Saya bagi lagi satu lagi satu contoh, Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong seorang peguam Perlembagaan. Saya bagi lagi satu contoh, kalau kita pergi ke SPR, macam saya dekat SPR dahulu, *schedule 13. Schedule 13* mengenai *delimitation or rather redelineation*. *So,* kalau kita pergi ke *section* 9, *schedule 13.*

**■1020**

Oleh sebab kalau kita pergi ke *section* 9, *schedule* 13, dia kata, a*s soon as maybe after the Election Commission has submitted their report to the Prime Minister, report* mengenai *redelineation* itu, *under section 8, "He shall lay the report before The House of Representative". The Prime Minister must lay the report for The House of Representative together except when the case where the report states no alteration has got to be made. He shall lay with the draft of an order to be made under section 12.*

*Okay, again,* bila dia *lay the report, report* itu tidak akan dibahas. Tidak akan dibahas tetapi kita perlu ke *section* 10*, if any draft order referred to in section 9* tadi *is approved by The House by resolution supported by the vote or not less than one half of the total number. So again*, walaupun *report* itu di-*lay* tetapi *draft order* itu kena ada *resolution of not less than one half of the total number Members of The House, to approve*.

*So again, they deliberate.* Apabila *report* itu di-*lay,* tetapi *draft order* yang dilampirkan itu mesti di-*approve*. *So again*, bila Perlembagaan itu memerlukan *approval,* ia akan kata *either through a bill or through a draft order* dan sebagainya. Pada pendapat saya lah, hak untuk *revoke* itu, dia kata, *unless sooner revoke. Unless sooner revoke, itu under* Artikel 150(3), ia membayangkan satu keadaan di mana ianya di-*revoke* walaupun belum ke Parlimen.

Itulah pemahaman saya tetapi *of course* terpulanglah kepada pihak kerajaan, pihak Menteri untuk mengambil tindakan yang mereka fikir mengikut Perlembagaan Persekutuan. Bukan untuk saya untuk...

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Tuan Yang di-Pertua, benarkan hujahan ringkas balas, hujahan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkas, ringkas.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Tuan Yang di-Pertua, mohon...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Hujahan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua iaitu penting kita sentuh perkara ini untuk hendak tolong Dewan ini. Dalam ordinan ini ada menyebut tentang pilihan raya kecil Sarawak, jadi pada 21 hari bulan itu maknanya perlu diadakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu saya tidak tahulah, Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Jadi ini implikasi pertama. Yang kedua, tentang Kumpulan Wang Amanah Nasional (KWAN) ini yang melibatkan RM5 bilion.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu saya tidak boleh jawablah Yang Berhormat, itu...

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Oleh sebab itu kita kena tengok perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Ketiga, beribu orang kalau tidak pun beratus orang yang kena kompaun, kuantum kompaun itu ada yang RM10,000 dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, itu sebab saya kata hari Isnin ini kita bincang semua itu.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Hari Isnin sudah*... [Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** Sudah lambat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Darurat sudah tamat, sudah akademik Yang Arif, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, agenda Mesyuarat Khas 11(3) bukan agenda saya. Saya sudah kata banyak kali.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Ada satu, satu sahaja poin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak kali saya sudah kata. Oleh sebab masalah yang saya hadapi ini ialah perkara-perkara yang dibangkitkan itu saya telah terangkan banyak kali. Ia bukan agenda saya dan saya tidak tetapkan agenda.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Saya faham, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tolong kerajaan di sebelah sana.

**Tuan Yang di-Pertua:** Urusan, urusan. Yang Berhormat Puchong pula.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Tuan Yang di-Pertua, satu *last point.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong pula.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong pula, maaf.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Selepas itu Beruas ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Yang Berhormat Muar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi sebelum Yang Berhormat Beruas, saya rasa Yang Berhormat Muar, Yang Berhormat Muar sudah bangun dari awal.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, Batu tunggu daripada tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puchong dahulu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Boleh saya teruskan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya terima apa yang disebut tadi oleh Tuan Yang di-Pertua sebagai pandangan daripada Tuan Yang di-Pertua. Memang sebagai peguam, Tuan Yang di-Pertua ada kelayakan dan juga ada pengalaman dalam perkara-perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Thank you.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apa yang penting Tuan Yang di-Pertua telah pun membuat rujukan kepada beberapa fasal di dalam Perlembagaan Persekutuan yang menunjukkan juga perkataan *"laid"* tersebut dengan jelas wujud dan oleh yang sedemikian diberikan takrifan seperti mana dalam konteks peruntukan tersebut, artikel tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu kefahaman saya lah, kefahaman saya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya terima.Akan tetapi ada tiga perkara saya bangkitkan. Satu adalah Tuan Yang di-Pertua, sebagai Tuan Yang di-Pertua yang mempengerusikan Dewan yang mulia ini, saya rasa Tuan Yang di-Pertua apabila Tuan Yang di-Pertua boleh memberi pendapat yang menunjukkan bahawa ada beza dalam pendapat itu kerana di sini saya akan menjelaskan selepas rundingan singkat, apa kah pendapat saya.

Maka, kalau ada perbezaan pendapat, itu sudah mencukupi untuk Tuan Yang di-Pertua buat keputusan supaya usul saya dibenarkan dan perkara ini dibahaskan. *[Tepuk] It is because at this point* bukan soal Tuan Yang di-Pertua buat keputusan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Usul yang mana, usul yang mana?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Usul saya di bawah 36.

**Tuan Yang di-Pertua:** Usul yang terhadap Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Usul yang sudah saya failkan semalam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya akan buat pertimbangan .

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Jadi *when the Speaker is of the view that there is an issue to be tried or to be debated* dan saya rasa di sini ada, *then that itself is sufficient Tuan Yang di-Pertua to allow the motion to be debated and let it be resolved there. That is number one.*

*Number two* Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkataan yang digunakan secara khusus di dalam Artikel 150(3). Tuan Yang di-Pertua, ya ada disebut di situ perkataan *laid* tetapi Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham bahawa *ruling* dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua dengan menggunakan *Standing Order 100* (Peraturan Mesyuarat 100) yang cukup jelas menyatakan seperti berikut, saya baca.

> *"Semua perkara yang tidak disyaratkan terang-terang dalam peraturan ini dan semua perkara berkenaan dengan menjalankan peraturan ini pada perkara satu persatunya, hendaklah diaturkan menurut cara yang tidak berlawanan dengan peraturan ini sebagaimana yang diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua dari satu masa ke satu masa."*

Jadi dalam keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua buat keputusan supaya kita dibenarkan untuk berhujah, berbahas. Di situlah Tuan Yang di-Pertua saya tanya kenapa kalau boleh dibahas tidak dibuat keputusan bahawa kita juga boleh buat undi. Ini perkataan dia.

*So, if* Tuan Yang di-Pertua *has exercise discretion to allow a debate, then the question is why not exercises a discretion to allow a vote.* Ini adalah sebab saya bawa hujahan itu. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita terima, kalau kita terima bahawa kalau satu perkataan spesifik yang ditafsirkan, digunakan kita kena ikut, maka perkataan *'revoke'* Tuan Yang di-Pertua, juga telah pun ditafsirkan di dalam kes Teh Cheng Poh, *revocation is by the King.*

Jadi kenapa kita tidak memberikan penekanan itu kepada Artikel 150(3). Kenapa ada perbezaan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, boleh saya jawab.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Just one last point*, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seminit.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Dalam keadaan tersebut Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Artikel 150(3) kerana Artikel 150(3) Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan apa yang Tuan Yang di-Pertua buat. *We break it down into three parts. If there is no revocation,* Tuan Yang di-Pertua*, the second part comes in, which means there has to be a motion. If there is a motion,* ada usul, *that motion must be debated and voted on.*

*That is why* Tuan Yang di-Pertua, kita minta untuk satu *ruling* berkenaan dengan *revocation*. Oleh kerana kerajaan kata, sudah di-*revoke*. Kita semua tahu memang belum kerana prosedur tidak diikut. *That is why they are running all over the places now to try to get things done. But* Tuan Yang di-Pertua*, if there is no revocation, then there must be a motion file for the purpose of being annulled.*

Kita perlukan masa untuk itu. *That is why* Tuan Yang di-Pertua, *I echoed the words of* Yang Berhormat Semporna. *What is important here* Tuan Yang di-Pertua, sangat penting, ialah kita ini kena faham dan memberikan perhatian kepada pengasingan kuasa. Kuasa yang diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong adalah kuasa yang terjamin di bawah Perlembagaan Persekutuan. *We cannot* Tuan Yang di-Pertua, *we cannot ignore it. We must give it effect.*

Jadi *in that's context* Tuan Yang di-Pertua *that I have a response to it,* Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *I hope* Tuan Yang di-Pertua *understand. I see where Tuan Yang di-Pertua is coming from the legal point of view.* Akan tetapi kepada saya yang sangat penting adalah isu sama ada pengasingan kuasa dan setakat mana Dewan ini menghormati Perlembagaan Persekutuan, menghormati institusi Yang di-Pertuan Agong dan juga Parlimen.

*This is the reason why* saya minta supaya usul saya dibenarkan dan kita *debate.*

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Yang Berhormat Puchong, *can I, can I...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Muar pula.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Yang Berhormat Puchong, dengan izin, *I just want to*– Yang Berhormat Puchong tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Muar sudah tunggu lama selepas ini Yang Berhormat Semporna.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Beruas, Beruas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun satu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beruas selepas itu Yang Berhormat Semporna.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Tuan Yang di-Pertua, ringkas sahaja. *The precedent of today will set a very dangerous precedent for future dictators in* Malaysia. Apabila seseorang Perdana Menteri pada masa yang akan datang, 10, 20 tahun yang akan datang, yang bakal hilang kuasa, akan pergi jumpa Yang di-Pertuan Agong untuk minta pengisytiharan darurat. Apabila Tuan Yang di-Pertuan Agong menolak dan Raja-raja Melayu menolak, dia kata itu tidak ada dalam Perlembagaan Persekutuan dan Yang di-Pertuan Agong perlu mendapatkan nasihat daripada Kabinet.

Selepas itu dia isytiharkan darurat dan apabila darurat diisytiharkan Yang di-Pertuan Agong suruh melalui Parlimen, Parlimen dimatikan dan Parlimen ditutup. Fungsi Raja-raja Melayu diketepikan, fungsi Parlimen ditutup .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** ...Dan apabila ingin dibentangkan di sini diberhentikan.

**■1030**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini bukan *point of order. This is going to the merit, sorry*. Yang Berhormat Beruas dahulu lepas itu Yang Berhormat Semporna, Yang Berhormat Beruas.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya juga ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ya.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan*...[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beruas, ya.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Batu tunggu lagi.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]:** Tuan Yang di-Pertua, keputusan Dewan Rakyat pada hari ini bakal menentukan keputusan 10 hingga 20 tahun yang akan datang. *The decision of today will hunt us in the future.*

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Duduklah Yang Berhormat Muar, duduklah.

**Datuk Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beruas.

**Datuk Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun bangkit tentang Peraturan Mesyuarat 43. Saya memang setuju dengan pentafsiran Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan *laid and table*. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, *only state half of the law,* yang setengah lain yang penting itu ialah di bawah peraturan tetap pada bila-bila masa sahaja pihak mana-mana Ahli Parlimen boleh mengusulkan sesuatu dan di bawah Perkara 150(3) itu dikatakan mesti ada satu resolusi.

Jadi, maksudnya cara kita membuat resolusi ini memanglah melalui satu usul sebab itu saya sudah kemukakan empat usul untuk dibahas dan kemudian dibuat keputusan. Kalau sesuatu perkara itu di-*laid* sama ada oleh pihak kerajaan ataupun pihak yang lain mana-mana Ahli Parlimen boleh mengusulkan sama ada laporan SUHAKAM kah laporan kewangan kah ada hak untuk kita mengusulkan untuk membahaskan kalau perlu. Itu diperuntukkan di bawah undang-undang. Memandangkan Tuan Yang di-Pertua telah menolak semua usul saya ini, saya telah pun memfailkan rayuan kepada Dewan Rakyat, itu hak rayuan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua mesti ikut. Ini hak setiap Ahli Parlimen kerana kita sudah dalam peraturan tetap memberikan penghormatan tertinggi kepada Tuan Yang di-Pertua untuk membuat sesuatu keputusan yang dikatakan muktamad melainkan *that's only one exception to your decision* iaitu Majlis Dewan Rakyat ini yang membuat kata putus terakhir. Di mahkamah ada rayuan yang dibenarkan.

Di sini hanya satu-satunya rayuan kepada Majlis Dewan Rakyat kerana mahkamah *cannot interfere due to the law of separation of powers* mahkamah tidak boleh campur tangan. Akan tetapi malangnya sampai hari ini, ini hari keempat, saya tak nampak usul untuk dibentangkan di Dewan Rakyat ini untuk mengetepikan keputusan Tuan Yang di-Pertua disenaraikan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau usul saya dibawa di sini dan dipersetujui oleh Majlis Dewan Rakyat akan dengan sendirinya menghidupkan usul asal saya tentang proklamasi atau pengisytiharan darurat dan Ordinan-ordinan Darurat supaya ia boleh diputuskan dan resolusi boleh dibuat mengikut 150(3). Jadi, itu jelas undang-undang jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Sekarang kita...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi, haraplah hak saya ini dihormati. Tuan Yang di-Pertua, *the rules are made to facilitate, not frustrate but* kalau tak dibenarkan maksudnya Tuan Yang di-Pertua menggunakan *rules to frustrate, that will be acting to the detriment and going against the Parliament itself.*

Jadi, harapan saya hendak dapat satu keputusan dari hari pertama saya bentangkan. Saya minta satu jaminan daripada Tuan Yang di-Pertua untuk *honor* atau menghormati peruntukan peraturan mesyuarat yang telah ditetapkan. Akan tetapi sampai hai ini tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Saya akan buat, saya akan buat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *So, we cannot delay until Monday and say* tidak ada buat masa itu sudah pun *frustrating* hak Ahli Parlimen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Faham, faham. Yang Berhormat Semporna dahulu ya.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rentetan daripada Yang Berhormat Puchong menyebutkan menyatakan tentang perundangan negara kita 150(3) bukan hanya harus dilihat dari sudut itu. Kalau kita melihat Perlembagaan Malaysia yang ada, 150(7) kalau diizinkan Tuan Yang di-Pertua.

*"At the expiry date of a period of six months beginning with the date on which a Proclamation of Emergency ceases to be in force, any ordinance promulgated in pursuance of this Proclamation, and any law made while the Proclamation was in force, shall cease to have effect, except as to things done or omitted to be done before expiry date of the period."*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Maknanya, ordinan yang disebutkan itu walaupun dinyatakan telah di-*revoke* selepas enam bulan *Proclamation of Emergency* 150 masih lagi berjalan, ordinan itu kecuali ianya di-*revoke* dan ini yang sampai Februari 2020. *This is* Perlembagaan, *interpretation of the law is it, unless omitted* dan ini yang saya Tuan Yang di-Pertua, *I think we might have to have clarity* dari segi perundangan negara kita perjalanan dia. Bukan hanya 150(3) tetapi 150(7) juga harus dilihat di mana perkara ini ordinan yang ada masih berjalan itu.

Walaupun dikatakan *purely academic because* payungnya *emergency lapse by Monday, say after Monday* ya. Kita katakan. Itu yang saya bila melihat kenapa benda ini *prolong* sehingga perlu penjelasan sehingga Isnin? Ini kerana kita faham *by then Emergency Proclamation is already*— tetapi kita kena harus juga faham ada 13 ordinan yang telah dibentangkan.

Cuma *revoke mentioned by the Minister* waktu itu ialah enam maknanya ada lagi tujuh di situ, ya. Ini yang saya Tuan Yang di-Pertua kita persoalkan walaupun *emergency lapse by first end of the month but it doesn't mean ordinance is* sudah habis sudah, tidak. Jadi minta Tuan Yang di-Pertua supaya perkara ini perlu diperjelaskan perundangan negara kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua *please.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Beaufort ya.

**Datuk Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Interpretasi undang-undang Perlembagaan kita. Perkataan di dalam Perlembagaan 150(3). Jadi, hari ini dalam Parlimen kita bukan di mahkamah. Kalau ada pihak yang inginkan interpretasinya, maka bolehlah memohon kepada mahkamah untuk interpretasi ini Tuan Yang di-Pertua.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang orang lama.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas itu Yang Berhormat Batu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, Yang Berhormat Sepang dulu, selepas itu Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu pun sudah lama menunggu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa *with due respect,* saya rasa Tuan Yang di-Pertua tersilap. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang berhadapan dengan Perlembagaan. Perlembagaan sepatutnya *is a sui generis, stand on its own.*

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Tuan Yang di-Pertua *aware* dengan beberapa kes, kes Nordin Salleh. Kes Nordin Salleh Tuan Yang di-Pertua sebagai contoh dalam Perlembagaan yang melibatkan Artikel 10(1)(c) tidak adapun hak untuk keluar dari persatuan, yang ada adalah hak berpersatuan.

Akan tetapi mahkamah telah mentafsirkan walaupun tiada ada perkataan itu tetapi perkataan itu sebab hak persatuan termasuk hak keluar daripada persatuan. Menggunakan keputusan minoriti kes di India untuk hendak memutuskan bahawa hak itu boleh dilaksanakan. Mahkamah Persekutuan tolong dengan izin mematuhi ataupun mengikuti keputusan mahkamah di India keputusan minoriti. Hakim Anand saya ingat lagi, ‘Kes .....Baginda’ *very clear* Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa perlembagaan ini mesti ditafsirkan secara *broadly*. Kita— *the concept is not carved on the stone,* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlembagaan ini *very clear*. Kita mesti mentafsirkan dia secara *broad.* Dia tidak tertakluk kepada apa yang dipanggil *stare decisis* ataupun *legal precedent*. Ini Perlembagaan kecuali undang-undang lain. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan bahawa sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua kalau sekiranya ada *even lacuna* ataupun kekosongan dalam Perlembagaan contoh jawatan Timbalan Perdana Menteri tidak ada dalam Perlembagaan tetapi kita ikut *formation*, kita ikut amalan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca Artikel 150(3) *very clear* Tuan Yang di-Pertua, tidak— dalam undang-undang lain tidak ada perkataan *resolution ....pass ataupun shall cease to have effect.* Jadi Tuan Yang di-Pertua, mana-mana orang yang baca perlembagaan Artikel 150(3) tidak boleh lari daripada mentafsirkan bahawa mesti dibentangkan dan dibahaskan. Itu adalah tafsiran yang paling munasabah. Itu yang pertama Tuan Yang di-Pertua.

Kedua Tuan Yang di-Pertua saya mengatakan bahawa Tuan Yang di-Pertua dalam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bukan hakim ini Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau Tuan Yang di-Pertua hakim, saya daripada awal lagi saya sudah pecat. Minta maaf, minta maaf.

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam mana?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kecuali Tuan Yang di-Pertua adalah hakim yang bernama Ad bin Harun. Tuan Yang di-Pertua, saya kenal seorang...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Yang Berhormat Sepang cukuplah, cukup. Yang Berhormat Sepang buang masa Dewan.

**Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali]:** Apalah mengarut itu Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Makan ubat tak lagi?

**■1040**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sesiapa yang tidak tahu itu duduk diamlah. Duduk, dengar, diam. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Makan ubat dahulu itu*. [Tidak jelas]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Tentang kuasa Tuan Yang di-Pertua kata...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu sudah tunggu lama ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 12. Tuan Yang di-Pertua mengatakan Tuan Yang di-Pertua tidak ada kuasa. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua ada kuasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita *discuss Point of Order,* saya tahu Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya lah. Tuan Yang di-Pertua*, you have power*. Sekarang ini bukan *you* tidak ada *power*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah *power* saya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** You tidak ada *political will* untuk buat perubahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, *power* saya itu datang dari mana?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, ada artikel-artikel – *our order...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat *follow* Perlembagaan Persekutuan dan sebagainya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** 90 itu Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua ada kuasa. Boleh *suspend the standing order* untuk buat perubahan. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua tidak pernah langsung rujuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Saya hendak *suspend* Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey

*[Dewan riuh]*

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Itu kuasa Tuan Yang di-Pertua. Kuasa Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *By all means go ahead.*

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sudahlah Yang Berhormat Sepang.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Setuju, setuju. Tuan Yang di-Pertua kena buat macam itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Setuju Tuan Yang di-Pertua, setuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, you *want to suspend me, you have the power*

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Yang Berhormat Sepang melanggar peraturan itu, *suspend* dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, maksud sayalah contohnya, bukan saya hendak *suspend* Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Alhamdulillah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hormat Yang Berhormat ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** *You are one of the best around*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, *I just want* to *highlight* Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua ada kuasa. Tuan Yang di-Pertua baca betul-betul Peraturan 90, Tuan Yang di-Pertua ada kusa untuk melanjutkan masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, saya hendak jawab ini, boleh saya jawab dahulu? Akan tetapi, saya hendak dengar Yang Berhormat Batu dahulu. Yang Berhormat Batu sudah lama tunggu, kasihan dia. Selepas ini saya hendak jawab untuk *point* ini.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Isu yang saya hendak bangkitkan...

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Pasir Puteh, *Point of Order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey sekejap. Yang Berhormat Pasir Puteh.

**seorang Ahli:** Yang Berhormat Pasir Puteh buang masa sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Isu yang saya hendak bangkitkan sama dengan Ketua Pembangkang. *So*, mungkin Tuan Yang di-Pertua boleh jawab dahulu selepas itu balik kepada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Ketua Pembangkang tadi saya sudah jawab.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Ada, saya hendak bagi pandangan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah jawab, cukuplah.

**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Puteh pula.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Benda itu penting Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, sudah sama, saya sudah jawab tadi. Maaf. Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada Peraturan 14 berkenaan dengan tatacara, peraturan mesyuarat kita di mana saya pun tidak tahu setiap pagi yang dibincangkan duduk di bawah peraturan mana tidak tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Jadi sekarang ini, kita masa singkat. Ketua Pembangkang minta supaya tambah. Sedangkan yang membazirkan masa ini ialah pembangkang. Kalau kita bercakap *point* semua sekali dan saya telah sebut ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** ...Sebelum daripada ini kalau kita bincang COVID-19. Saya tidak pernah nampak lagi ada satu *point*, satu benda yang baharu yang belum lagi KKM buat yang dicadangkan oleh pihak pembangkang. Tidak ada lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tidak ada masa Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Itu dengar, tidak ada masa dia sebut.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tidak ada masa untuk berbahas...

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Empat hari kita bersidang...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tidak ada masa untuk berbahas Yang Berhormat.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** *[Menyampuk]* ...Hendak bagi pandangan...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...Di Dewan.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Tuan Yang di-Pertua, mesti dipegang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sudah jadi bahan ketawalah, memalukan lah.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Tengok.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Pasir Puteh semua perkara ini masih belum buat keputusan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Pasir Puteh tidak hendak bising ke tidak ada masa hendak berbahas dalam Dewan?

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Inilah perangai.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kita belum dapat jawapan lagi.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...Isu ini belum bincang lagi.

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** Jadi saya minta supaya Tuan Yang di-Pertua bertegas dalam perkara ini.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Kita bangkitkan untuk dapat jawapan.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...Tidak ada masa untuk berbahas di Dewan.

*[Dewan riuh]*

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** ...Kita layan...

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** ...*That is the issue.*

**Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]:** ...Rugi masa sahaja. Buang masa sahaja. Kita ini penting. Datang dari jauh, Sabah, Sarawak mari bercakap kosong.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maaf, maaf. Saya kena jawab dahulu. Saya rasa saya perlu menjawab sedikit Yang Berhormat Puchong tadi ya. Yang Berhormat Puchong, maaf ya. *Last, last*. Saya faham Yang Berhormat Pasir Puteh memang menimbulkan satu peraturan yang amat jelas. Kita kena *discuss Point of Order* sebenarnya tetapi ini semua polemik ilmiah ini sebenarnya. Saya memang suka polemik ilmiah ini tetapi saya, ini bukan tempatnya. Akan tetapi tidak apa.

Yang Berhormat Puchong, saya perlu jawab sedikit. Izinkan saya. Teh Cheng Poh. *Of course,* semalam pun saya sudah cakap. Kita semua akur dan *acknowledge* keputusan dalam Teh Cheng Poh kerana ia keputusan *privy council*. Mahkamah yang tertinggi yang boleh memberi nasihat kepada kita pada masa tersebut.

Keputusan Teh Cheng Poh ini ialah mengikat mana-mana mahkamah di bawahnya sehingga sekarang. *Of course*, Teh Cheng Poh itu sememangnya terdapat satu perenggan Yang Berhormat Puchong rujuk semalam di mana ia menyatakan kuasa untuk *revoke* itu adalah tertakluk kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Akan tetapi ia juga mempunyai perenggan yang berikutnya yang tidak dirujuk, yang memperhalusi bagaimana kuasa yang Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Yang di-Pertuan Agong itu perlu dilaksanakan.

*Its sets out* dengan izin, *its sets out how that discussion of the* Yang di-Pertuan Agong *out to be executed. So*, saya tidaklah membincangkan perkara itu. Terpulanglah kepada pihak Menteri nanti menjawab untuk merujuk kepadanya. *So,* Teh Cheng Poh bukan sahaja dia kata kausa itu kuasa Baginda Yang di-Pertuan Agong tetapi ia juga mengatakan dengan jelas, bagaimana kuasa Yang di-Pertuan Agong itu perlu dilaksanakan. *That is all that I want to say at this point.*

**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemudian mengenai Peraturan Mesyuarat 100. *It's a good point, good point*. Akan tetapi Yang Berhormat perlu – saya pun pernah menggunakan kuasa budi bicara ini apa yang saya panggil *residual powers. Residual power* saya di bawah aturan 100. Contohnya pada masa bajet dahulu terdapat empat usul yang sama. Jadi dalam peraturan mesyuarat tidak diperuntukkan bagaimana empat usul yang sama perlu dibahaskan dan diundi. Tidak akan kita hendak bahaskan setiap satu sedangkan usul-usul itu sama.

Usul 'a' sama, 'b' sama, 'c' sama, 'd' sama. Kalau kita membahaskan usul 'a', kemudian mengundi, katalah usul 'a' dibenarkan. Kemudian 'b' kita bahas lagi sekali, undinya kalah dan tidak dibenarkan. Jadi bagaimana 'a' itu dibenarkan, 'b' tidak dibenarkan? Jadi saya guna S.O 100 dalam keadaan itu untuk *consolidate* semua usul macam kita buat di mahkamah, kita panggil *consolidation* dan dibahaskan bersekali dan diundi hanya satu kali.

Itu kerana tidak ada peraturan mengenainya dalam peraturan mesyuarat. Apa yang perlu diperhatikan Yang Berhormat dalam peraturan mesyuarat 100 ini, ia

menyatakan begini. Apa-apa kuasa saya itu, dalam peraturan mesyuarat 100 itu, *quote* ya *quote.* Hendaklah diaturkan menurut cara yang tidak berlawanan dengan peraturan-peraturan ini. *So, I cannot use whatever residual power* dengan izin *that I have under Standing Order* 100 *in a way which is inconsistent with the standing order.*

*So, Standing O rder* kita sekarang ada 11(3). 11(3) kata agenda sidang khas ditetapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *So, whatever power that I am going to use under and pursuant to 100 cannot be an inconsistent with 11(3). That is the problem that I have* Yang Berhormat.

*[Tepuk]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya setuju Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita *lawyer*, kita faham, kita cakap semua ini. Akan tetapi rakyat di luar sana tidak akan faham bagaimanapun *that is final point of law which we discuss*.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *I agree totally* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu dilema yang saya ada.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu *point* lagi, satu *point* lagi. Yang Berhormat pun telah katakan mengenai *lay* dan sebaginya. Yang Berhormat Sepang pun.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya kata hak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Beruas untuk bawa usul itu mesti dibawa ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap. Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Beruas pun menimbulkan isu yang sama. Semalam Yang Berhormat Sepang memberi satu interpretasi yang *very adventurous. Very adventurous interpretation*. *I admire your spirit of adventure*.

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Di mana kononnya kita boleh tafsir secara luas tidak terikat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, itu bukan perkataan saya,Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mahkamah, mahkamah Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua baca keputusan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham, sekejaplah saya hendak cakap.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh berhenti. Yang Berhormat Kota Bharu sudah bangun untuk menjawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya Yang Berhormat Sepang...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh berhenti menjadi *spoke person*, Yang Berhormat Kota Bharu sudah bangun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap. Sebenarnya yang.

*[Dewan riuh]*

Sabar-sabar. Sebenarnya saya tahu tentang prinsip. Saya amat tahu tentang prinsip interpretasi Perlembagaan Persekutuan yang mesti diberi tafsiran yang amat luas kerana kes yang *decide,* salah satu kes yang putuskan perkara itu adalah kes yang saya buat sendiri. Saya buat sendiri kes itu dalam kes rujukan Perlembagaan vs Sultan Kelantan. Saya buat sendiri kes itu, saya tahu. Dia kata Perlembagaan Persekutuan itu mesti ditafsirkan secara meluas.

*[Tepuk]*

Akan tetapi Yang Berhormat, itu adalah prinsip tafsiran. Tafsiran ini apabila perkara itu tidak *clear*, tidak terang maka perlu ditafsir.

**■1050**

Yang saya katakan tadi ini, terang, *very clear*, dia kata *lay*, dia tidak kata *bill*. Dia tidak kata *must be approved. It's very clear. So, there is no* dengan izin, tidak ada keperluan untuk tafsiran pun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Clear* akan ada *debate*. Tuan Yang di Pertua, cara Tuan Yang di-Pertua pusing itu kalah *lawyers* di mahkamah di dunia ini. *[Dewan riuh]*

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Kesalahan itu. Tuduhan kepada Tuan Yang di-Pertua itu. Gantung Yang Berhormat Sepang itu, gantung.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Memang Tuan Yang di-Pertua pandai pusing, 360 darjah Tuan Yang di-Pertua pusing.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua *[Tidak jelas]* percayalah.

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali:** Tuan Yang di-Pertua guna kuasa gantung Yang Berhormat Sepang. Gunakan kuasa Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, *just 10 seconds.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** 10 saat, *just to clear.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita *end*-lah sebab kita nak pergi ke Aturan Urusan Mesyuarat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya faham dan saya ingin *straight to the point*. Isunya di sini berkenaan dengan takrifan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua seperti mana saya sebut tadi, perkara pokok di sini adalah sama ada ataupun tidak ia telah pun di-*revoke*. Kalau tidak di-*revoke* maka Artikel 150(3) menyatakan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri akan jawab.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...Bahawa satu usul telah dibawa dan dalam usul itu kita boleh bahas dan undi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya faham.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *That is what I'm saying.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan buat perutusan. Saya baru terima surat penjelasan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Soalan pokok itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, amalan saya mengenai usul mengelirukan itu...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Peraturan 36(12).

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Dari *day* satu, dari *day* satu amalan saya, bila saya terima usul itu saya tak nak nafikan *the right to be heard*. Jadi saya akan berikan kepada si polan yang di-*complaint* itu untuk memberi penjelasan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *That's right.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Amalan saya, 100 *percent*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya setuju dengan amalan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *So,* hari ini baru saya dapat penjelasan itu.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Dengan izin, baik, baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar saya tengok ya.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, usul saya sangat jelas. Hak saya merayu kepada Dewan...

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu ini saja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh kita – Yang Berhormat Puchong ada – Eh bukan Yang Berhormat Puchong...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kenapakah belum disenaraikan usul saya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Jelutong ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Point of order* ya, *point of order.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya telah berdiri dari tadi mendengar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada *point of order?*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Syarahan Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Order* apa? Bukan syarahan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ...Dan kuliah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak pernah bagi syarahan. Apabila ditanya saya jawablah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, *I feel so sorry for you seriously. I feel so sorry for you because of* Yang Berhormat Kota Bharu, *you had been put into a very difficult position* dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, *I'm not in a difficult position.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Akan tetapi, tolonglah jangan jadi *spokesman, spokesperson. [Dewan riuh]* Biarkan Yang Berhormat Kota Bharu, kalau Yang Berhormat Kota Bharu berani buat kenyataan, beliau berani tanggung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekejap. Saya duduk saja tadi selepas doa, perkara-perkara ini dibangkitkan dan diminta penjelasan dari saya. Saya dah cakap bukan kuasa saya tetapi telah diminta, saya jawablah. Kalau tidak minta, saya tak jawab. Bukan kerja saya pun, bukan kerja saya pun. *So,* boleh kita– Tidak apalah, boleh kita...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Kota Bharu sudah bangun, biarkan Yang Berhormat Kota Bharu jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, *can we?* Boleh kita teruskan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak satu keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua tentang usul saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan buat, sekejap. Saya akan buatlah lepas ini. Okey, boleh kita ke Aturan Urusan Mesyuarat, tolong.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Bharu dah bangun, biar dia jawab.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tak nak terima lagi ini, banyak dah sangat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita sudah berpolemik sampai 10.53 pagi, dah 53 minit. Ya? *Last-last.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Selama 53 minit tidak sabar, kami dah tunggu 260 hari sabar tau.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Parlimen tidak buka, apa 53 minit pun tak sabar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduklah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Selama 53 minit pun Tuan Yang di-Pertua tak sabar. Kami... *[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, saya lagi sabar. Yang Berhormat Sepang bila bercakap, tidak ada siapa bangkang pun. Saya bila bercakap, 80 orang bangkang *and I take one by one, I take. One by one* saya layan. Ya, boleh kita Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tadi disebut mengenai tanggungjawab saya sebagai Menteri yang menjaga Parlimen berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh yang saya hormati Yang Berhormat Ketua Pembangkang mengenai penambahan masa ataupun penambahan hari dan sebagainya. Ini merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 12(1) di *provisor* yang mengatakan bahawa kecuali jika ada usul Menteri.

Saya hendak jelaskan sedikit sebagai *background,* Tuan Yang di-Pertua. Ini penting walaupun sebahagian daripada kita sudah tahu. Pada jam 8.00 pagi, 26 Julai iaitu hari pertama kita bersidang, Tuan Yang di-Pertua telah memanggil satu mesyuarat khas yang turut dihadiri dari sebelah sini oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga beberapa orang Yang Berhormat Menteri. Di sebelah sana saya boleh sebut Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Seremban, Yang Berhormat Labuan, minta maaf kalau ada lagi yang saya – itu yang hadir. Turut hadir adalah Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah.

Saya hendak beritahu secara terus terang dalam mesyuarat ini, boleh disahkan oleh rakan-rakan di sebelah sana. Dia beri dua cadangan, dua *options* oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Pertama, persidangan ini tidak boleh diadakan terus, itu *option* yang pertama. Dia sebut tidak boleh sebab kalau dalam kes biasa, dengan 77 orang dalam satu tempat diisytiharkan positif COVID-19, sudah PKPD. Itu diberitahu oleh Tan Sri Noor Hisham. Walau bagaimanapun kalau beliau, oleh kerana kita sudah hadir pada hari ini, *option* yang kedua ialah mengehadkan bilangan kehadiran Ahli Parlimen pada satu-satu masa.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *It's nothing new. I think* - Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Sekejaplah, saya tidak beri laluan.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Satu-satu masa dan juga hadkan masa. Sebagai contoh disebut sendiri oleh Tuan Yang di-Pertua, pukul 2.00. Itu cadangan Ketua Pengarah. Sepatutnya, saya ingat lagi beberapa orang di sebelah sini ingat, rakan-rakan di sebelah sana sepatutnya *get back to* Tuan Yang di-Pertua, beritahu kita boleh setuju berapa orang, sampai pukul berapa. Akan tetapi, sampai hari ini saya rasa rakan-rakan kita di sebelah sana tidak *get back to* Tuan Yang di-Pertua untuk itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, dah *get back* pada saya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Jadi, sekejap, sekejap.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:** Tidak betul, tidak betul Tuan Yang di-Pertua. Biar saya *correct* yang itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dah *get back* pada saya.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim-Bandar Baharu]:** Tidak semua dalam pengetahuan Yang Berhormat Menteri Undang-undang. Saya sendiri telah berjumpa dengan Tuan Yang di-Pertua keesokan harinya. *[Dewan riuh]* Saya minta maaf, perkara paling bahaya bila kita bercakap benda yang kita tidak tahu. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya Yang Berhormat Menteri.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Saya hendak tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Walau apa pun dicakapkan oleh Yang Berhormat Kulim Bandar-Baharu kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Menteri jangan putar belit fakta dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Menteri selalu putar belit fakta.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Apa yang berlaku, sekejap-sekejap. *This is my floor...*

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** Apa pun yang berlaku, yang dilakukan dalam pelaksanaan ini, semua boleh dibenarkan hadir. *Time*-nya sebagaimana di dalam Peraturan Mesyuarat 12(1) iaitu sehingga pukul 5.30 petang. Dengan Peraturan Mesyuarat 11(3), Tuan Yang di-Pertua, melanjutkan 15 minit. Adapun, ini *my part*. Adapun *provisor* kepada 12(1) iaitu kuasa Menteri berdasarkan kepada pandangan pakar, ini bukan pandangan politik, pandangan pakar. Saya hendak mengesahkan saya mendapat mandat daripada Ketua Majlis untuk tidak melanjutkan masa ini daripada 5.30 petang ataupun 5.45 petang...

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, mohon mencelah. Yang Berhormat Menteri, bagi ruang dekat belakang, hendak tanya soalan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan:** ...Ataupun hari persidangan. Itu saya hendak maklumkan. Terima kasih.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, boleh kita teruskan dengan Aturan Urusan Mesyuarat. Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor, *point of order* ya Yang Berhormat Bukit Gelugor?

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya soalan kepada Yang Berhormat Menteri tadi, masa buat jawapan tadi. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Gelugor, ya.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin kembali kepada *Point of order 36(12)* iaitu berkenaan dengan pengeliruan.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Misleading?*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Yes, misleading*. Saya ingin bertanya memandangkan Yang Berhormat Ketereh juga berada di Parlimen pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat?

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Ketereh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ketereh?

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ya, juga berada di Parlimen hari ini. Boleh kita mendapat pengesahan di dalam Dewan ini berkenaan apa yang telah pun beliau menyatakan beberapa hari yang lalu bahawa *revocation of the ordinances* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, masih dalam proses. Oleh yang demikian, belum dibuat. Ini adalah bercanggah dengan jelas dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kota Bharu. Oleh yang demikian, ini akan menjadi isu yang relevan bila membuat keputusan berkenaan dengan *motion* yang dibangkitkan. Boleh saya dapat pengesahan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh, tidak boleh.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Daripada Yang Berhormat Ketereh pun ada di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita kena ikut Aturan Urusan Mesyuarat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *Why is that Tuan Yang di-Pertua? Why?*

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Ketereh ada di sini.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sekarang aturan urusannya ialah – Yang Berhormat Menteri Kewangan dah tunggu sejam dah. Saya hendak mempersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Menteri-menteri ini menggunakan alasan COVID-19...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Bayan Baru bagi laluan kepada Yang Berhormat Pasir Gudang. Perkara baharu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk beri penerangan.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Jangan guna alasan COVID-19.

*[Sistem pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Untuk memberi penerangan berkenaan pakej-pakej bantuan ekonomi. Silakan.

**■1100**

## PENERANGAN DARIPADA Y.B. MENTERI KEWANGAN DI BAWAH P.M. 14(1)(i)

### LANGKAH DAN STRATEGI SEMUA PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI

**11.00 pg.**

**Menteri Kewangan [YM Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Kota Bharu menyatakan bahawa beliau mengambil tindakan ini di atas nasihat pakar... *[Pembesar suara ditutup]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong. Tolong. Saya rayu kepada Yang Berhormat ya. Kita jalankan Aturan Urusan Mesyuarat dahulu. Maaf ya. Yang Berhormat Menteri, silakan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, kita rayu dengar dahulu isu Perlembagaan.

**Datuk Seri Utama Tengku Zafrul bin Tengku Abdul Aziz:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat serta seluruh rakyat Malaysia, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya saya diberi kesempatan untuk berdiri, bersua muka dan dapat bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat semua. Mengikut perbahasan sepanjang empat hari semasa sidang khas di Parlimen kali ini, saya dengan penuh rendah diri dan bertanggungjawab akan membentangkan langkah dan strategi bagi semua pakej rangsangan ekonomi yang telah diumumkan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, kira-kira 500 hari yang lalu, negara mula menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan susulan menularnya wabak COVID-19. Sejak itu, pelbagai episod dan pengajaran telah kita lalui. Peperangan ini bukanlah mudah. Musuh tidak statik malah hari ini berubah menjadi lebih agresif. Kita telah hadapi setiap cabaran dengan cekal, merumuskan strategi untuk melindungi nyawa rakyat, mempertahankan ekonomi dengan izin, *to ensure the very survival of the nation.* Demi memastikan negara kita tidak rebah, tewas disebabkan pandemik ini. Maka, respons kerajaan dalam peperangan mencabar ini adalah merumuskan tidak kurang daripada

lapan pakej stimulus ekonomi dan bantuan rakyat ditambah pula dengan belanjawan terbesar dalam sejarah negara iaitu Belanjawan 2021 bernilai RM322.5 bilion. Untuk memastikan setiap lapisan rakyat kita terbela nasib mereka dari Sabah, Sarawak ke Semenanjung, memperkasa sistem kesihatan awam, menyokong kelangsungan perniagaan dan memastikan ekonomi kita terus bertahan walau digasak teruk oleh COVID-19.

Yang Berhormat semua, kegawatan ekonomi global tahun lalu dikatakan adalah yang paling teruk sejak Perang Dunia Kedua. Banyak negara merudum jatuh pasaran dan kewangannya. Syukur, negara telah melalui badai tahun lalu dengan selamat walau terpukul dan tercalar tetapi belum rebah dan jauh sekali daripada kalah. Kesejahteraan ekonomi kita adalah penting dalam peperangan mengatasi COVID-19 kerana tanpa ketahanan ekonomi kita, tidak akan mampu menjana kekuatan dana dan sumber untuk terus melawan pandemik ini. Kerajaan telah pun bersiap siaga dan kini giat menggerakkan strategi negara untuk melangkah ke hadapan berpegang kepada empat elemen utama iaitu:

(i) melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan sebagai usaha mengurangkan penularan wabak;

(ii) memperkasa Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang membina ketahanan diri;

(iii) memperkenalkan pakej-pakej bantuan dan rangsangan ekonomi untuk memastikan kehidupan rakyat terpelihara dan memulihkan semula ekonomi; dan

(iv) memperkenalkan Pelan Pemulihan Negara (PPN) sebagai strategi peralihan keluar secara berfasa daripada krisis COVID-19.

Penguatkuasaan PKP, program imunisasi dan pakej bantuan ini saling lengkap melengkapi satu sama lain. Saya ingin tegaskan, vaksinasi adalah kunci utama kejayaan kepada pemulihan negara. Seperti yang telah dijelaskan pada hari pertama sidang, Pelan Pemulihan Negara mengguna pakai pendekatan seluruh negara atau dengan izin, *full of nation approach* dalam menangani krisis wabak ini dengan menggembleng usaha semua pihak termasuk kerajaan negeri, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan atau NGO, pakar-pakar malah kerjasama dengan parti-parti politik.

Rakan-rakan sekerja saya, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi telah pun memberi penerangan mengenai aspek kesihatan dan Program Vaksinasi Kebangsaan. Hari ini, saya pula akan memberi penerangan mengenai kesemua pakej rangsangan dan bantuan yang telah kerajaan laksanakan setakat ini.

Sehingga kini, kerajaan telah mengumumkan lapan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi bernilai RM530 bilion sejak wabak COVID-19 melanda negara. Pada tahun 2020 sahaja, pakej yang dilaksanakan bernilai RM305 bilion atau 22.7 peratus daripada KDNK. Ini merupakan antara kadar terbesar berbanding pakej-pakej rangsangan negara lain seperti Indonesia, Korea Selatan dan Amerika Syarikat. Saya akui cabaran terbesar kita dalam menangani krisis ini ialah mengimbangi pelbagai keperluan dengan sumber kewangan negara yang terhad. Kami perlu mengimbangi antara menyelamat nyawa dan melindungi mata pencarian. Antara pelbagai keperluan sektor dan perusahaan dan pastinya mengimbangi keperluan mendesak hari ini dan menjaga kepentingan generasi akan datang.

Sehabis mungkin kami di Kementerian Kewangan akan mempertimbangkan kewajaran sesuatu perkara sebelum meluluskan sebarang peruntukan. Kami akan cuba mencari penyelesaian yang paling optimum bagi krisis ini supaya masa depan negara tercinta ini terus terpelihara serta kedudukan ekonomi dan fiskal kerajaan masih stabil apabila kita keluar dari kancah krisis ini kelak, *insya-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua, penerangan saya pada hari ini akan memperincikan inisiatif-inisiatif utama yang terkandung di bawah semua pakej yang telah dilaksanakan dari kaca mata tiga aspek:

(i) melindungi nyawa melalui pengukuhan sistem kesihatan awam dan vaksinasi kebangsaan;

(ii) melindungi rakyat; dan

(iii) menjamin kelangsungan perniagaan.

Di samping itu, saya juga akan menjelaskan kesan kepada ekonomi dan apakah kedudukan kewangan semasa dalam tempoh kita menghadapi krisis ini.

Tuan Yang di-Pertua, agenda utama kerajaan sejak awal penularan wabak COVID-19 adalah untuk memastikan keselamatan rakyat sentiasa terjamin. Sehubungan itu, ia mesti disokong melalui sistem kesihatan awam yang sentiasa bersedia menghadapi sebarang ancaman kesihatan berada pada kapasiti optimum dan berfungsi pada tahap yang terbaik.

Untuk itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selaku institusi yang menerajui segenap aspek kesihatan awam telah dibekalkan peruntukan khas lebih RM3.7 bilion khusus sebagai perbelanjaan berkaitan pandemik COVID-19 tidak termasuk perolehan vaksin. Antaranya di bawah pakej PRIHATIN, sebanyak RM1.6 bilion telah diperuntukkan di bawah Belanjawan 2021 sebanyak RM1.4 bilion. Manakala peruntukan tambahan lebih RM500 juta telah dibuat bawah pakej PEMERKASA Tambahan.

Malah, Kerajaan Persekutuan juga telah menyalurkan peruntukan khas kepada semua negeri bagi menangani wabak COVID-19 dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM260 juta. Kesemua perbelanjaan ini adalah untuk pembelian kit ujian saringan, kos logistik berkaitan vaksin, meningkatkan kapasiti peralatan kesihatan dan perubatan serta wad ICU dan juga menampung perbelanjaan elaun khas kepada sukarelawan kesihatan.

Sehubungan itu, kerajaan amat menghargai peranan petugas barisan hadapan kesihatan ataupun *frontliners* yang terus berjuang memastikan operasi perkhidmatan kesihatan awam negara tidak lumpuh saat mengendalikan krisis ini. Di bawah pakej PERMAI, sejumlah RM150 juta diperuntukkan antaranya untuk menambah seramai lebih 3,500 orang petugas kesihatan untuk KKM. Kerajaan juga telah bersetuju memperuntukkan RM1.2 bilion bagi melanjutkan tempoh perkhidmatan lebih 14,000 orang pegawai perubatan dan jururawat lantikan kontrak sedia ada.

Di samping itu, kita juga melantik semula secara kontrak lebih 500 orang petugas kesihatan yang telah bersara wajib. Saya juga ingin memaklumkan atas dasar keprihatinan kerajaan kepada *frontliners*, elaun khas petugas kesihatan di PPV turut di selaras kepada RM600. Secara keseluruhan, kerajaan telah memperuntukkan lebih RM300 juta bagi tujuan ini. Kerajaan juga telah mengadakan kerjasama dengan institusi kesihatan swasta untuk menerima pesakit COVID-19 yang dipindahkan dari hospital awam serta turut membenarkan klinik dan hospital swasta berfungsi sebagai pusat pemberian vaksin. Selain bekalan vaksin diagihkan secara percuma, setakat ini kerajaan telah memperuntukkan RM200 juta bagi program penyumbaluaran program imunisasi dengan kerjasama pihak perubatan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan sebentar tadi, Program Vaksinasi Kebangsaan kita merupakan kunci utama kejayaan kita melawan COVID-19. Kerajaan telah memperkasa usaha di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi memastikan kejayaan proses vaksinasi seperti yang kita saksikan hari ini.

**■1110**

Secara puratanya, lebih 400,000 dos telah berjaya dilaksanakan setiap hari malah, kita pernah mencecah lebih 550,000 dosa sehari dan peningkatan kadar vaksinasi ini adalah hasil kerjasama pelbagai pihak. *Insya-Allah*, kerajaan menyasarkan imunisasi 100 peratus populasi dewasa menjelang akhir Oktober nanti. Inilah sasaran terpenting dalam memastikan kejayaan Pelan Pemulihan Negara.

Daripada segi perbelanjaan, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3.9 bilion bagi perolehan bekalan vaksin yang telah ditandatangani kontrak sebanyak 79.9 juta dos. Kita juga amat menghargai sumbangan sebanyak 2.9 juta dos vaksin dari negara Jepun, Amerika Syarikat, China dan United Kingdom. Berkenaan perolehan vaksin pula, baru semalam saya telah bertemu Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) untuk memberi penjelasan secara terperinci mengenai ketulusan proses perolehan vaksin COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, aspek kedua dalam inisiatif utama pakej-pakej bantuan adalah melindungi rakyat. Kerajaan sama sekali tidak akan berkompromi mengenai kesejahteraan dan keselamatan rakyat. Suara dan keluhan rakyat terus didengari dan menjadi panduan kepada inisiatif-inisiatif pakej bantuan kerajaan. Golongan B40 dan kumpulan rentan sentiasa diberi tumpuan dalam semua pakej rangsangan kerajaan kerana mereka lah yang paling terkesan daripada langkah penutupan ekonomi.

Malah, impaknya turut dirasai golongan M40. Oleh itu, kerajaan perlu mengubahsuai bantuan-bantuan yang diberikan mengikut keadaan dan golongan yang terkesan. Namun, kerajaan akan memastikan kumpulan rentan dan B40 tetap menerima bantuan yang lebih banyak secara berterusan. Di samping bantuan langsung yang

diberikan melalui pakej-pakej yang dilaksanakan, mereka juga menikmati pelbagai subsidi barang keperluan, diskaun dan kemudahan lain.

Saya mulakan dengan Program Bantuan Tunai kepada rakyat yang merupakan antara inisiatif utama dan terbesar. Pada tahun lalu di bawah Pakej Prihatin, kerajaan telah mengumumkan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) yang berjumlah RM18 bilion yang memanfaatkan seramai 11 juta orang penerima. Inilah bantuan tunai terbesar dalam sejarah negara. Buat pertama kalinya juga, kerajaan turut membantu isi rumah M40 yang turut terkesan dengan pelaksanaan PKP pada tahun lepas. Bantuan BPN telah banyak memberi kelegaan kepada rakyat, malah ada juga yang menggunakannya sebagai modal untuk berniaga kecil-kecilan.

Kini, di bawah Pakej PEMULIH, kerajaan terus membantu rakyat kumpulan B40 dan kumpulan M40 melalui tiga lagi program bantuan tunai iaitu Bantuan Prihatin Rakyat, Bantuan Khas COVID-19 dan Bantuan Kehilangan Pendapatan. Bayaran di dalam separuh kedua tahun 2021 di bawah ketiga-tiga program ini bernilai RM10 bilion. *Insya-Allah,* setiap bulan Julai hinggalah bulan Disember, bantuan kerajaan akan berterusan bagi mengurangkan kos sara hidup mereka. Izinkan saya memberi penjelasan seperti berikut;

(i) Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) merupakan sebuah inisiatif bantuan tunai dengan kadar antara RM450 hingga RM2,300 untuk 8.4 juta orang penerima B40;

(ii) Bantuan Khas COVID-19 (BKC) adalah bantuan tunai secara *one-off* di bawah Pakej PEMULIH untuk manfaat seramai 11.4 juta orang penerima; Antara ciri keistimewaan BKC adalah penerima BPR sedia ada akan layak secara automatik dan ia turut dinikmati oleh kumpulan M40. *Insya-Allah* BKC pada kadar RM250 hingga RM1,300 akan mula disalurkan pada bulan Ogos, bulan November dan bulan Disember, dan;

(iii) Bantuan Kehilangan Pendapatan yang berjumlah sebanyak RM500 akan diberikan kepada mana-mana individu yang telah diberhentikan kerja atau tiada lagi caruman di KWSP ataupun PERKESO sekurang-kurangnya tiga bulan berturut-turut sepanjang tahun 2021. Pembayaran akan dibuat pada bulan Oktober nanti.

Dengan penguatkuasaan PKP dalam tempoh yang panjang, kami sedar akan kepayahan golongan rentan untuk mendapatkan bekalan makanan perlu. Oleh itu selain bantuan tunai, antara inisiatif yang sedang rancak dijalankan pada masa ini ialah Program Bantuan Bakul Makanan. Kerajaan telah menyediakan peruntukan berjumlah lebih RM200 juta untuk Program Bantuan Makanan yang telah diagihkan seperti berikut;

(i) bantuan yang disalurkan melalui Ahli Parlimen dengan peruntukan RM300,000 setiap kawasan setiap kawasan Parlimen. Di sini saya ingin mengucapkan tanda penghargaan kepada kebanyakan Ahli Yang Berhormat yang turut menggunakan dana sendiri dan jentera masing-masing untuk mengedar Bakul Makanan kepada rakyat;

(ii) bantuan melibatkan kerjasama NGO yang dikawal selia oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara program yang dijalankan adalah Bakul Makanan di bawah Pakej PERMAI yang menyampaikan lebih 430,000 pek makanan dan yang terkini Program Bakul Prihatin Negara dan Program PRIHATIN Kasih sebanyak RM100 juta dengan tumpuan kepada golongan miskin bandar; dan

(iii) bantuan melibatkan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA) yang membantu menyediakan Bakul Makanan kepada lebih 50,000 isi rumah masyarakat Orang Asli. Kerajaan melihat program ini benar-benar dirasai dan dihargai oleh rakyat. Terdapat banyak permintaan supaya program seumpama ini dapat diteruskan dan kita sedia mempertimbangkan dalam masa terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain segmen khidmat rakyat yang terbesar di bawah kumpulan B40 dan M40, kerajaan juga membantu golongan sasar yang tertentu. Bagi golongan belia, kerajaan telah memperkenalkan Program e-Belia yang merupakan sebuah inisiatif kredit e-tunai bernilai RM150 untuk manfaat seramai dua juta orang belia. Di samping itu, sebuah skim pembiayaan PEMERKASA Belia telah disediakan melalui

BSN dengan kadar serendah tiga peratus bagi membolehkan belia mendapatkan pembiayaan sehingga RM50,000 sebagai modal untuk memulakan perniagaan.

Seterusnya kepada adik-adik pelajar. Bagi menyokong sesi PdPR yang dijalankan, kerajaan telah melaksanakan inisiatif Jaringan Prihatin bernilai RM3.5 bilion di mana lebih satu juta orang keluarga telah menerima manfaat sebanyak RM300 subsidi bagi pembelian peranti pintar dan hampir 1.5 juta menerima subsidi Pelan Data berjumlah RM180. Kerajaan juga bekerjasama dengan syarikat telekomunikasi, telah bersetuju untuk melanjutkan pemberian satu *gigabytes* secara percuma sehingga 31 Disember 2021.

Kita juga tidak lupakan golongan wanita dan ibu tunggal, apakah pula bantuan yang mereka terima? Di sini saya ingin memberi sedikit gambaran mudah. Contohnya, seorang ibu tunggal berpendapatan di bawah RM1,200 dan telah kehilangan pekerjaan serta perlu menyara seramai dua orang anak. Hakikatnya, beliau layak menerima bantuan BPR, Bakul Makanan, Elaun Mencari Pekerjaan, diskaun bil elektrik, bantuan JKM bagi kategori Bantuan Kanak-kanak Keluarga Miskin dan layak untuk mendapatkan kemudahan Jaringan Prihatin iaitu rebat RM300 bagi pembelian telefon. Dianggarkan ibu tunggal ini boleh mendapat bantuan berjumlah RM10,400 sehingga hujung tahun ini.

Berikut pula adalah Kumpulan Pencari Kerja dan Pelatih. Di bawah Belanjawan 2021 iaitu Program Penjana Kerjaya, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM2 bilion untuk inisiatif pengambilan pekerja. Kerajaan juga telah menubuhkan Majlis Pekerjaan Negara dengan sasaran mencipta 500,000 peluang pekerjaan dan penempatan latihan kemahiran melalui kerjasama strategik di antara agensi kerajaan dan pemain industri.

Setakat ini, gerak kerja di bawah Majlis Pekerjaan Negara telah menghasilkan hampir 320,000 peluang pekerjaan. Sehubungan dengan itu, *Short Term Employment Programmed* (MySTEP) menyasarkan sebanyak 50,000 peluang pekerjaan secara kontrak di pelbagai kementerian dan agensi serta syarikat berkaitan kerajaan. Setakat 30 Jun 2021, seramai 39,300 orang atau bersamaan sebanyak 79 peratus telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program MySTEP yang menawarkan gaji antara RM1,400 hingga RM2,000 sebulan. Di bawah inisiatif Penjana Kerjaya 2.0, lebih 141,000 orang telah berjaya diambil bekerja.

Semasa pengumuman Pakej PEMULIH Penjana Kerja 3.0 telah diperkenalkan dengan beberapa penambahbaikan. Antaranya mengurangkan had kelayakan gaji bagi Program *Malaysianization* dan pelonggaran tempoh kontrak pengajian bagi kategori pekerja yang berusia 50 tahun ke atas, golongan OKU dan juga bekas banduan. Tidak dilupakan dengan kumpulan tertentu seperti pemandu bas, pemandu teksi, Imam, Bilal, pengusaha kantin di sekolah, pengusaha tadika dan pengusaha pusat sukan juga turut menerima bantuan khas secara *one-off* antara RM500 hingga RM3,000.

Ingin saya nyatakan untuk rakyat secara umumnya, kerajaan komited untuk terus memastikan rakyat Malaysia menikmati subsidi bahan api untuk pengisian petrol kenderaan, minyak masak dan tong gas LPG. Di samping layak menikmati diskaun bil elektrik selama tiga bulan melalui bulan ini sehingga bulan September nanti.

**■1120**

Malah ramai yang mungkin tidak sedar kerajaan juga telah menurunkan kadar cukai pendapatan sebanyak satu masa peratusan bagi individu M40 serta had pelepasan cukai pendapatan bagi gaya hidup dinaikkan kepada RM2,500 kepada RM3,000. Seterusnya berkaitan Program i-Citra dan penangguhan enam bulan moratorium pinjaman. *Insya-Allah* bayaran pertama i-Citra akan dikreditkan kepada akaun bank ahli pada Selasa hadapan iaitu mulai 3 Ogos 2021 nanti. Ini dijangka memanfaatkan seramai empat juta orang ahli KWSP, manakala bagi moratorium permohonan telah pun dibuka awal bulan ini.

Saya ambil kesempatan ini untuk menyarankan sesiapa yang menghadapi sebarang masalah dalam mendapatkan moratorium pinjaman untuk menghubungi BNM *tele link* atau mendapatkan khidmat nasihat daripada AKPK bagi menguruskan aliran tunai mereka. KWSP juga membuka *hotline* i-Citra untuk membolehkan ahli KWSP mendapatkan sebarang penjelasan.

Selain daripada moratorium pinjaman bank, pemegang polisi insurans dan takaful juga akan layak untuk menikmati manfaat daripada inisiatif penangguhan pembayaran premium insurans dan sumbangan takaful yang dilanjutkan sehingga 31 Disember 2021. Selain itu, tidak dilupakan kerajaan juga melaksanakan penangguhan pinjaman pelajaran secara bersasar melibatkan JPA, MARA, PTPK dan PTPTN.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi bantuan-bantuan yang berbentuk tunai dan bukan kewangan yang telah disalurkan oleh kerajaan kepada rakyat sepanjang mengharungi pandemik COVID-19 ini. Di samping itu, terdapat juga bantuan-bantuan yang terus tersedia melalui kerajaan negeri dan pusat-pusat zakat negeri untuk dimanfaatkan rakyat yang memerlukan. Kerajaan terus berusaha untuk memastikan tiada golongan masyarakat tercicir seperti mana ungkapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan izin, *" no one is left behind"*

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, aspek ketiga berkaitan pakej bantuan adalah tentang kelangsungan perniagaan. Sejak dari awal lagi bila pakej-pakej ini diumumkan kerajaan tidak pernah meminggirkan mereka yang giat menceburi arena perniagaan apatah lagi kini mereka sedang bergelut dengan kekangan aliran tunai akibat penutupan sektor-sektor ekonomi. Kerajaan sedar bahawa para usahawan mempunyai pelbagai komitmen seperti bil-bil, sewa dan gaji pekerja yang perlu dibayar. Oleh kerana itu, bantuan yang berterusan telah dan sedang dilaksanakan bagi menjamin kelangsungan dan melonjakkan kembali perniagaan mereka.

Pengusaha mikro serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merupakan sumber utama pendapatan rakyat dan tulang belakang kepada ekonomi negara. Menurut data rasmi oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020, PKS menyumbangkan sebanyak 38.2 peratus daripada KDNK negara. Manakala 48 peratus daripada pekerja di Malaysia berada dalam sektor PKS. Ini belum mengambil kira mereka yang beroperasi dalam sektor informal.

Oleh itu, bagi menjamin kelangsungan hidup PKS kerajaan telah bersetuju untuk menampung sebahagian gaji pekerja melalui Program Subsidi Upah (PSU). Program ini telah mendapat sambutan baik daripada golongan majikan. Dengan adanya PSU, PKS yang mengalami pengurangan pendapatan akibat COVID-19 akan diberi subsidi upah sebanyak RM600 sebulan untuk setiap pekerja dengan had 500 pekerja setiap PKS.

Sesebuah PKS dengan 500 orang pekerja boleh menikmati jumlah subsidi hingga RM300,000 sebulan sepanjang tempoh program ini. Untuk makluman, kerajaan telah memperuntukkan hampir RM20 bilion untuk PSU dan setakat ini RM15.6 bilion telah disalurkan untuk memanfaatkan lebih 330,000 buah majikan dan *insya-Allah* menyelamatkan 2.8 juta orang pekerja daripada kehilangan pekerjaan.

Melalui PEMULIH yang diumumkan baru-baru ini, kerajaan berjanji akan terus memberikan manfaat PSU kepada PKS-PKS yang terkesan sehingga keadaan kembali pulih dan mereka boleh beroperasi semula seperti biasa. Langkah pemulihan PKS turut disokong oleh pelaksanaan moratorium pinjaman secara automatik selama enam bulan di bawah PRIHATIN yang bermula dari April sehingga September 2020. Disusuli dengan bantuan bayaran balik secara bersasar yang diumumkan sewaktu Belanjawan 2021 dan PEMULIH baru-baru ini.

Pelaksanaan moratorium ini secara asasnya bertujuan memberi talian hayat kepada PKS yang terjejas untuk melegakan kekangan aliran tunai dan dapat terus bertahan. Bagi memberi gambaran yang lebih jelas mengenai nilai bantuan serta sokongan yang boleh dimanfaatkan oleh PKS di bawah pakej-pakej ini, izinkan saya memberi contoh manfaat yang diterima oleh sebuah syarikat pengedar peralatan sukan yang mempunyai 35 orang pekerja.

Disebabkan oleh penutupan sektor ekonomi berikutan COVID-19 mereka tidak dapat beroperasi sehingga menyebabkan kerugian. Oleh itu mereka dikira layak untuk menerima bantuan seperti PSU, penangguhan levi dan moratorium pinjaman yang dianggarkan berjumlah RM370 ribu bagi sepanjang tahun ini. Tambahan lagi sekiranya syarikat ini mendapatkan pembiayaan baharu ia boleh meminjam sehingga RM50,000 di bawah Skim PEMERKASA yang ditawarkan oleh BSN.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga memahami denyut nadi para usahawan mikro yang terjejas dengan krisis ekonomi yang melanda negara hari ini. Mereka ini adalah peniaga kecil, aneka juadah, mereka lah tukang gunting rambut kita, mereka lah yang menjahit pakaian kita. Kebanyakan usahawan mikro mengharapkan jualan harian untuk terus hidup dan tidak mempunyai dana perniagaan yang besar. Mereka adalah kelompok yang cukup terkesan dan wajar terus dibantu. Sebagai usaha untuk meringankan beban kewangan mereka, kerajaan telah memperkenalkan tahun lalu Geran Khas Prihatin (GKP) iaitu satu geran tunai khas yang diberi secara langsung kepada perusahaan mikro yang layak. GKP dapat memberi kelegaan kepada usahawan mikro dalam mengharungi rintangan ketika ini.

Jika dikira bermula dari GKP 1.0 tahun lalu sehingga yang terkini di bawah PEMULIH, jumlah keseluruhan GKP yang telah dan akan disalurkan adalah RM6.1 bilion di mana setiap usahawan mikro yang layak boleh mendapat bantuan sehingga RM6,500. Kerajaan turut menyediakan pembiayaan mikro kredit melalui pelbagai agensi kerajaan antaranya BSN, TEKUN Nasional dan Agrobank. Kerajaan faham keperluan mendesak peniaga maka telah sedaya upaya memudahkan prosedur permohonan dan kelulusan bagi setiap pemohon.

Saya ingin berkongsi kisah sebuah usahawan mikro yang menjalankan perniagaan gunting rambut dengan pekerja seramai tiga orang dan kini menyewa premis dimiliki MARA. Oleh kerana pelaksanaan PKP mereka telah menanggung kerugian dan sedang berjuang untuk terus beroperasi. Pengusaha sendiri layak untuk menerima bantuan seperti PSU, GKP, penangguhan sewa premis serta moratorium pinjaman dengan nilai keseluruhan sehingga RM75 ribu sepanjang tahun ini. Ini belum lagi mengambil kira Skim Pembiayaan Mikro Kredit yang layak dipohon oleh mereka.

Selain daripada bantuan-bantuan kepada PKS dan usahawan mikro yang disebutkan tadi, kerajaan juga menyediakan dana bantuan khas kepada sektor tertentu seperti pengusaha di sektor pelancongan, pertanian, pengangkutan dan beberapa lagi bagi membantu mereka untuk beroperasi semula setelah keadaan kembali pulih. Keputusan bagi melaksanakan bantuan khas ini dibuat memandangkan kumpulan PKS ini antara yang terjejas teruk setelah berbulan-bulan tidak dibenarkan beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menghuraikan mengenai prestasi ekonomi dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan Persekutuan. Berikutan langkah penutupan ekonomi, KDNK negara telah menguncup sebanyak 5.6 peratus tahun lalu. Malah bukan hanya Malaysia yang terkesan tetapi banyak negara lain seluruh dunia juga mengalami kemelesetan ekonomi. Seperti beberapa contoh Singapura yang menjunam 5.4 peratus, United Kingdom mencatatkan pertumbuhan -9.8 peratus, Jepun -4.7 peratus dan Filipina -9.6 peratus.

Namun setelah kita lebih memahami kesan wabak berkenaan kita telah melaksanakan PKP yang lebih bersasar. Ini membolehkan aktiviti ekonomi terpilih untuk terus berjalan sekali gus memberi kelegaan untuk rakyat keluar mencari rezeki di samping mengurangkan tekanan ke atas beban kewangan oleh kerajaan supaya dapat terus memberi bantuan.

Dengan pelaksanaan PKP 3.0, baru-baru ini negara telah mengalami kerugian KDNK sebanyak kira-kira RM1.1 bilion sehari berbanding dengan kerugian sebanyak kira-kira RM2.4 bilion sewaktu PKP penuh pada Mac tahun lalu. Oleh itu, KDNK pada tahun 2021 dijangka mencatatkan pertumbuhan lebih rendah berbanding anggaran awal sebelum ini iaitu antara 6 hingga 7.5 peratus. Anggaran rasmi akan diumumkan pada bulan Ogos bersama Laporan Suku Kedua KDNK nanti di mana kesan PKP dan pelaksanaan BPN ke atas ekonomi pada separuh pertama tahun ini akan dapat dilihat sepenuhnya.

Sudah tentu krisis ini juga memberi kesan kepada pasaran buruh kita. Walau bagaimanapun kadar pengangguran telah menyederhanakan kepada 4.5 peratus pada bulan Mei berbanding 5.3 peratus setahun yang lepas iaitu kadar tertinggi sejak tahun 1990. *Alhamdulillah* dengan membenarkan sektor ekonomi dibuka secara bersasar dan disokong dengan bantuan-bantuan yang telah saya sampaikan tadi, kita berjaya mengelak daripada kadar pengangguran naik dengan mendadak dan lebih ramai lagi pekerja diberhentikan.

**■1130**

Malah, sejak bulan Oktober yang lepas, tawaran untuk pekerja mahir telah mula meningkat hasil program-program kerajaan untuk meningkatkan peluang pekerjaan yang lebih berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi kedudukan kewangan, Bajet 2021 telah dibentangkan dengan unjuran defisit fiskal sebanyak 5.4 peratus kepada KDNK. Setelah mengambil kira gelombang COVID-19 pada awal tahun 2021, serta pelaksanaan PPN Fasa 1, sejak awal bulan Jun, kerajaan telah melaksanakan pakej bantuan tambahan iaitu, PERMAI, PEMERKASA, PEMERKASA Tambahan dan PEMULIH. Pertambahan ini dijangka meningkatkan defisit fiskal di antara 6.5 hingga tujuh peratus pada KDNK tahun ini. Saya ingin menekankan bahawa peningkatan ini bukanlah asing bagi negara kita.

Berdasarkan data dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam memerangi wabak COVID-19, kebanyakan kerajaan di seluruh dunia telah memperuntukkan lebih daripada USD16.5 *trillion* dalam bentuk perbelanjaan fiskal. Ini

telah menyebabkan purata defisit keseluruhan kepada KDNK untuk tahun ini akan mencecah 9.9 peratus bagi negara maju, 7.1 peratus bagi negara membangun dan 5.2 peratus bagi negara berpendapatan rendah. Oleh itu, purata nisbah hutang kepada KDNK dunia juga dijangka meningkat sehingga 98.8 peratus tahun ini.

Bagi memastikan ketelusan perbelanjaan sepanjang krisis pandemik ini, Kumpulan Wang COVID-19 (KWC-19) telah ditubuhkan di bawah Akta 830 dan diluluskan oleh Parlimen pada tahun lalu. Peruntukan KWC-19 yang dibiayai oleh pinjaman kerajaan telah digunakan untuk perbelanjaan pakej-pakej bantuan serta perbelanjaan tambahan bagi menambah baik sektor kesihatan awam dan pelaksanaan PICK.

Program-program kebajikan rakyat seperti Subsidi Upah, GKP, BPN, BPR dan sebagainya disalurkan melalui KWC-19. Setakat 30 Jun 2021, sejumlah RM55 bilion telah dibelanjakan, di mana RM38 bilion dibelanjakan pada tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir bulan Jun tahun ini, paras hutang *statutory* telah pun mencecah 56.8 peratus. Namun, ia masih di bawah had *statutory* 60 peratus KDNK yang dibenarkan. Dengan ruang fiskal yang terhad, kerajaan tiada pilihan selain mengoptimumkan sumber pembiayaan sedia ada melalui rasionalisasi perbelanjaan, peningkatan hasil daripada ekosistem kerajaan, termasuk penggunaan dana Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) serta bersedia meningkatkan had siling KWC-19.

Dalam masa yang sama, kerajaan bersedia melonggarkan peraturan had hutang untuk menyokong Pelan Pemulihan Ekonomi berdasarkan kemampuan keberhutangan negara. Oleh itu, kerajaan akan mengusulkan di dalam Dewan yang mulia ini cadangan pindaan tersebut pada penggal akan datang.

Memandang ke hadapan langkah-langkah bagi mengukuhkan kedudukan kewangan kerajaan terutamanya langkah berkaitan hasil adalah amat penting demi memastikan kedudukan kewangan kerajaan kembali kukuh dan berdaya tahan dalam tempoh jangka sederhana dan panjang. Sebelum pandemik COVID-19 melanda negara, kita berada di atas landasan pengukuhan fiskal yang konsisten sejak negara beralih keluar daripada krisis kewangan global pada tahun 2009. Ini di mana, defisit kita dikurangkan dari 6.7 peratus kepada 3.4 peratus pada tahun 2019, sebelum meningkat semula kepada 6.2 peratus pada tahun lepas.

Oleh itu, setelah ekonomi kembali pulih, kerajaan akan melaksanakan langkah konsolidasi dan pengukuhan kedudukan fiskal kerajaan, termasuk meluaskan asas hasil, mengukuhkan pentadbiran dan pematuhan cukai serta meningkatkan kecekapan perbelanjaan bagi mengawal paras defisit fiskal negara.

Pengenalan strategi hasil jangka sederhana merupakan salah satu langkah bagi memastikan kutipan hasil mampu membiayai perbelanjaan kerajaan. Selain itu, Akta Tanggungjawab Fiskal juga sedang digubal bagi menambah baik tadbir urus dan ketulusan dalam pengurusan fiskal negara. Namun, kerajaan memberikan komitmen tidak akan memperkenalkan sebarang pembaharuan fiskal selagi ekonomi belum stabil.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa sesi penerangan Pelan Pemulihan Negara tempoh hari, PPN merupakan strategi peralihan keluar daripada krisis COVID-19 secara berfasa, teratur dan selamat. PPN mengambil pendekatan seluruh negara yang bersifat dinamik serta disokong oleh fakta-fakta sains dan penilaian indikator. Sebagai sebuah pelan yang berpandangan ke hadapan dan anjal, ia bertujuan untuk memastikan keseimbangan dalam usaha kita menyelamatkan nyawa, memastikan kelangsungan hidup rakyat dan memelihara kesejahteraan ekonomi.

Sukacita, ingin saya maklumkan di sini, bahawa Portal Pelan Pemulihan Negara telah pun dilancarkan pada hari Isnin lalu. Seluruh rakyat Malaysia kini boleh melayari laman web sesawang di *www.pelanpemulihannegara.gov.my*, yang akan memaparkan indikator-indikator terkini serta maklumat berkaitan PPN, manfaat pakej-pakej bantuan dan juga pelaksanaan SOP terkini.

Seterusnya, kesinambungan PPN akan diadun dan disusuli dengan usaha pemulihan dan pemerkasaan melalui Bajet 2022 dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang bakal dibentangkan di hadapan semua Ahli Dewan serta seluruh rakyat Malaysia dalam masa beberapa bulan akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tegaskan, kita tidak hanya mahu gah dengan pengumuman semata-mata tetapi juga ingin mencapai *outcome* dari pakej-pakej bantuan itu. Oleh itu, sebagai bukti bahawa kerajaan serius dalam memastikan bantuan-bantuan

ini segera sampai kepada rakyat, Agensi Pelaksanaan Ekonomi dan Koordinasi Strategik Nasional (LAKSANA) telah ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan.

LAKSANA akan bertindak sebagai pemudah cara dan pemantau rapi pelaksanaan inisiatif serta bantuan yang diumumkan di bawah pakej-pakej rangsangan dan belanjawan negara. LAKSANA menyenggara dan memantau pelaksanaan dengan mewujudkan koordinasi strategik dan bersepadu di antara 53 kementerian dan agensi bertujuan memudahkan tatacara, mengurangkan birokrasi serta membolehkan perkongsian data bagi melaksanakan semak silang maklumat penerima dan sebagainya. *Alhamdulillah*, berkat usaha ini, kerajaan mampu bergerak dengan lebih pantas bagi membantu mereka yang terkesan.

Bukan itu sahaja, Kementerian Kewangan juga telah menyediakan ruang yang luas kepada rakyat untuk memberikan maklum balas melalui beberapa saluran seperti pusat panggilan dan Portal Manfaat Belanjawan 2021. Semua maklum balas akan dikaji supaya penyelesaian boleh dirumuskan untuk menyelesaikan isu yang timbul dan rakyat tidak terhenti daripada menerima bantuan.

Kerajaan juga mendukung usaha bagi menjamin ketelusan pelaksanaan pakej-pakej rangsangan ini. Sehubungan dengan itu, pihak LAKSANA telah menghasilkan 63 naskhah laporan LAKSANA yang memperincikan status pelaksanaan pakej-pakej rangsangan dan penerangan isu-isu semasa yang relevan. Maklumat juga dimuat naik di akaun Facebook dan portal rasmi Kementerian Kewangan.

Suka saya umumkan juga, bahawa maklumat mengenai status penganjuran pakej-pakej ini boleh didapati melalui Portal Kewangan Rakyat yang akan dilancarkan hari ini. Portal Kewangan Rakyat akan menjadi platform sehenti bagi mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan penyaluran bantuan kepada rakyat dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akui walaupun telah melaksanakan lebih 450 program dan insentif melalui pakej-pakej bantuan, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan. Memandang ke hadapan, *insya-Allah*, kami akan meneliti segala maklum balas, tuntutan dan permohonan yang diterima untuk dipertimbangkan lebih-lebih lagi dalam merangka Bajet 2022 nanti.

Seperti yang saya nyatakan pada awal bicara tadi, dalam masa kita menangani krisis ini, sebarang inisiatif atau bantuan haruslah dilaksanakan dengan tatacara fiskal yang berkhidmat tanpa menjejaskan ketahanan kewangan semasa ataupun kedudukan fiskal pada hari-hari akan datang. Namun, apa yang pasti, kerajaan telah membuktikan dengan lapan pakej dalam masa hanya 15 bulan, bahawa kita sentiasa mendengar dan sedia bertindak supaya rakyat dan ekonomi dapat terus bertahan dalam tempoh yang mencabar ini.

Apa yang paling utama sekarang, kita perlu giatkan usaha vaksinasi sekurang-kurangnya 80 peratus penduduk dewasa di seluruh negara. Saya pasti rakyat tidak mahu lagi menoleh ke belakang setelah terkurung untuk tempoh sekian lama. *Insya-Allah*, tahun ini, *once and for all,* kita tamatkan segala duka durjana.

Pelan Pemulihan Negara dengan tema '*Menang Bersama*', dirangka sebagai hala tuju peralihan keluar daripada krisis ini secara segera, sistematik dan selamat. Melangkah ke hadapan, kita semua harus bersedia untuk menyesuaikan diri bergerak dari kemelut pandemik ke situasi yang endemik, merentas satu realiti baru dan membina semula negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk berucap panjang, sebelum saya menoktahkan ucapan ini, saya ingin menzahirkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang sudi bertemu dengan pasukan Kementerian Kewangan untuk berkongsi idea tentang kesemua pakej bantuan, belanjawan negara dan kini Pelan Pemulihan Negara. Wakil-wakil daripada perniagaan dan industri, pakar-pakar bidang, pihak NGO dan pastinya Ahli-ahli Dewan ini sendiri yang merangkumi pelbagai parti politik dan latar belakang, semuanya telah menyampaikan pandangan bernas mereka atas niat ikhlas membela nasib rakyat dan negara.

Usaha dan kerjasama sebeginilah yang saya pasti rakyat mahukan daripada kita.

**■1140**

Walau di masa lain, kita berbeza haluan tetapi di saat negara memerlukan, kita ketepikan semua perbezaan itu untuk tangani krisis ini bersama *[Tepuk]*. Dengan izin, *let us uphold the spirit of collaboration for the good of the nation. Truly we can be better. United we are stronger together.*

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah dengan lafaz *wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa teks penerangan yang Yang Berhormat Menteri Kewangan sebentar tadi boleh dimuat turun melalui kod QR yang telah dipaparkan di tablet di hadapan meja Yang Berhormat sekalian.

Saya menjemput Yang Berhormat Bagan yang akan berucap untuk masa yang sama dengan Yang Berhormat Senator Menteri tetapi tolak 10 minit ya. Ini kerana, Yang Berhormat Bagan mencadangkan bahawa Yang Berhormat Port Dickson akan mengambil 10 minit tersebut. Saya dimaklumkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Saya jemput lepas Yang Berhormat Bagan, masa yang sama tolak 10 minit saya akan jemput Yang Berhormat Pekan. Silakan.

**11.42 pg.**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *[Ketawa]* Ini kena diskaun macam ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jemputan untuk memulakan perbahasan dalam sesi Parlimen Khas ini. Saya amat kesal dengan menyaksikan bilangan jangkitan dan juga kematian yang mengerikan hari demi hari yang mencecah rekod setiap hari. Pada masa yang sama ekonomi adalah dalam keadaan terumbang ambing dan terbantut yang amat menakutkan. Adalah perlu untuk menyelamatkan bukan sahaja nyawa tetapi juga mata pencarian dengan satu anjakan baharu COVID-19.

Satu Pelan Normalisasi Ekonomi menerusi suntikan dana tambahan sebanyak RM45 bilion dan juga moratorium pinjaman bank tanpa faedah sehingga akhir tahun 2021. Anjakan COVID-19 dan Pelan Normalisasi Ekonomi mestilah bergerak sejajar dengan bergerak daripada sekatan atau COVID-19 sifar kepada satu dasar mitigasi yang menyesuaikan diri hidup bersama COVID-19 serta beralih daripada sekatan pergerakan penuh kepada sekatan pergerakan bersasar yang boleh mengurangkan kesan ekonomi yang buruk. Pembukaan semula ekonomi secara berperingkat mestilah melihat mestilah memansuhkan, membatalkan perbezaan di antara perniagaan perlu dan tidak perlu. Ini kerana, ini adalah satu perbezaan palsu. Semua perniagaan adalah perlu kerana mereka mahu hidup dan dapat pendapatan. Ini termasuk memansuhkan pengeluaran surat kebenaran daripada MITI dan juga kementerian yang selalu disalahgunakan. Ini juga harus dihapuskan.

Pelan Normalisasi Ekonomi akan membenarkan ekonomi dibuka semula kerana pada tahun 2020 kita boleh anggap ini adalah satu tahun di mana sasaran ekonomi tersasar. Diunjurkan defisit bajet sebanyak 6 peratus tetapi sebenarnya 6.2 peratus. Tahap pengangguran adalah dianggarkan 4.2 peratus tetapi yang sebenarnya adalah 4.5 peratus. GDP dianggar akan susut sebanyak 5.5 peratus tetapi susut 5.6 peratus. Sasaran ekonomi Malaysia untuk tahun ini akan mengulangi sasaran tersasar seperti yang berlaku pada tahun 2020. Contohnya, defisit bajet akan diturunkan daripada ramalan 5.4 peratus sebaliknya akan naik kepada tujuh peratus.

Kadar pengangguran tidak akan dikurangkan kepada 3.5 peratus seperti mana yang diramalkan pada Belanjawan 2021 tetapi dijangka naik kepada 5 peratus. Hutang dan juga liabiliti dijangka akan melebihi RM1.3 trilion. Di sini saya harap Yang Berhormat Menteri boleh berikan jumlah penuh hutang dan liabiliti kerajaan. GDP juga telah diturunkan. Ramalannya yang agak optimistik dalam Belanjawan 2021 ialah sehingga 7.5 peratus. Akan tetapi, kini dijangka diturunkan kepada 4 peratus, sungguhpun melaksanakan 8 pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM530 bilion dan Belanjawan 2021 sebanyak RM322.5 bilion iaitu belanjawan yang paling besar dalam sejarah Malaysia. Dalam kata lain ekonomi kita tidak akan menjalani normalisasi pada akhir 2021. Ini tetap akan lebih kecil berbanding dengan akhir 2019 iaitu tahun terakhir Pakatan Harapan menjadi kerajaan.

Penguncupan ekonomi sebanyak 5.6 peratus pada tahun 2020 telah menjejaskan perniagaan kecil dan juga pekerja biasa khususnya IKS. Sumbangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) kepada GDP atau KDNK telah susut sebanyak 7.3 peratus pada tahun 2020 mengikut Jabatan Perangkaan. Susutan 7.3 peratus ini adalah lebih tinggi daripada perniagaan bukan SME di mana mereka turun sebanyak 4.6 peratus sahaja. Ini lah kali pertama sumbangan SME atau IKS kepada GDP adalah lebih rendah berbanding dengan GDP negara dan juga sumbangan perniagaan bukan SME sejak tahun 2004. *So*, bermakna kalau perniagaan besar, kesannya tidak begitu buruk berbanding dengan SME.

Kita lihat sumbangan SME kepada GDP untuk tahun 2020 adalah 38.2 peratus berbanding dengan tahun 2019 iaitu 38.9 peratus. Ini menunjukkan impak besar negatif ke atas isi rumah negara kita kerana SME – ada 1 juta SME dan mereka merangkumi 98.5 peratus syarikat-syarikat di Malaysia. Kesannya besar kerana mereka juga menggaji 7.3 juta orang rakyat Malaysia pada tahun 2020 yang merupakan 48 peratus daripada semua pekerja di Malaysia.

Bila IKS gagal, kadar pengangguran akan naik lebih tinggi daripada 4.5 peratus sekarang. Mengapakah kerajaan boleh begitu yakin bahawa 8 pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM530 bilion dan Belanjawan 2021 sebanyak RM322.5 bilion boleh menyelamatkan 1 juta SME? Satu kajian daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada 4 Jun melaporkan bahawa 90 peratus daripada SME dan Mikro menghadapi risiko gulung tikar. *Association of SME* juga mendedahkan bahawa 100 ribu SME telah gulung tikar tahun lepas dan 50 ribu lagi SME menghadapi risiko gulung tikar dalam tahun ini.

Sejak MCO pertama dikenakan pada tahun lepas, Malaysia menghadapi kerugian ekonomi yang dianggarkan sampai atau sekurang-kurangnya RM500 bilion. Ini begitu sukar dan menyulitkan untuk SME dan pekerja biasa yang menanggung beban yang lebih besar berbanding dengan syarikat besar. Itulah sebab utama mengapa lapan pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM530 bilion tidak berkesan adalah iaitu kerana suntikan dana secara langsung hanya RM83 bilion sahaja dengan bakinya diberikan dalam bentuk pinjaman, jaminan dan insentif bukan kewangan.

**■1150**

Apakah gunanya memberikan potongan cukai bila perniagaan tiada untung langsung kerana tiada pendapatan oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)? Ini bagi pun tidak bermakna. Adalah satu keperluan untuk membuat satu anjakan ekonomi merangka satu pelan normalisasi ekonomi untuk membenarkan sektor ekonomi dibuka semula, supaya negara boleh balik ke normal, pada tahap tahun 2019. Formula dan kaedah lama untuk memberikan bantuan *one-off* tidak boleh diterima pakai lagi kerana ini hanya *financial band-aid,* dengan izin dan tidak akan melindungi mata pencarian pekerja biasa dan juga rakyat Malaysia yang menghadapi masalah kewangan.

Perlunya ada bantuan kewangan secara berkala yang kerap untuk menyelamatkan pekerjaan, perniagaan dan juga mata pencarian. Pertama, daripada RM45 bilion suntikan dana secara langsung, RM35 bilion harus digunakan untuk membantu perniagaan boleh terus kekal *survive* dalam bentuk subsidi utiliti, upah dan sewa. Insentif gaji dan juga pengambilan pekerja, untuk mewujudkan pekerjaan baharu, geran kewangan, insentif kewangan, bukanlah pinjaman atau jaminan kerana banyak yang tidak layak kerana mereka tidak ada sebarang pendapatan.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Bagan. Mohon Yang Berhormat Pasir Gudang satu minit mencelah Yang Berhormat?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya. Sekejap saya habis, nanti saya bagi.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Industri pelancongan kehilangan RM100 bilion pada tahun lepas dan dijangka menghadapi kerugian yang sama. Akan tetapi tidak ada sebarang bantuan untuk membolehkan industri yang menyumbangkan 16 peratus kepada GDP untuk terus hidup. Ia macam bayi...

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]:** Yang diabaikan. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Bayi yang dibuang. Bayi yang dibuang tanpa sebarang bantuan yang bermakna. Kedua, moratorium pinjaman bank tidak bermakna tanpa dikecualikan faedah dan juga tidak hanya diberikan kepada individu tetapi juga harus diberikan kepada syarikat. Impak negatif kepada pendapatan bank adalah kecil sahaja. Dijangka di antara 0.5 peratus kepada enam peratus untuk kebanyakan bank. Mengecualikan kompaun *interest* dan bayaran denda lewat tidak akan membantu peminjam jika mereka membayar kos faedah yang sama semasa mereka masih tidak ada sebarang pendapatan.

Tidak seperti moratorium pertama tahun lepas, faedah untuk pinjaman sewa beli tidak dikecualikan. Untuk pemegang kad kredit juga tidak tertakluk di bawah moratorium ini. Akan tetapi mereka hanya dibiayai semula dalam bentuk pinjaman tetap tanpa menjejaskan faedah berbayar. Tidak ada penjimatan langsung untuk pemegang kad kredit dan peminjam sewa beli. *Loan* moratorium adalah penangguhan pembayaran

pinjaman dan industri bank harus buat *haircut* ke atas keuntungan yang agak sihat mereka. Kalau kita lihat pada tahun 2019, keuntungan selepas cukai adalah RM32.3 bilion. Sedangkan pada tahun 2020 adalah sebanyak RM23 bilion. Itulah keuntungan selepas cukai. Mereka mampu menanggung lima bulan tanpa faedah sehingga akhir tahun 2021. Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan dan Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah melalui Yang Berhormat Bagan, Pasir Gudang mohon pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan sumbangan pekerja dan juga KWSP melalui program i-Lestari, i-Sinar, i-Citra dikumpulkan lebih RM100 juta daripada wang pekerja dalam KWSP telah digunakan dalam program pakej rangsangan ini? Manakala apa Yang Berhormat Menteri Kewangan sebut ada lapan pakej kerajaan, kerajaan hanya mengemukakan suntikan *cash* atau tunai hanya lebih kurang lebih RM80 juta. Adakah fakta yang sebut ini benar iaitu sumbangan pekerja dari duit pekerja sendiri, daripada *safety net* mereka, skim pencen mereka ini, jumlahnya lebih besar daripada sumbangan kerajaan sendiri?

Soalan saya Yang Berhormat Bagan tolong tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah rancangan kerajaan untuk menolong pekerja ini supaya wang KWSP mereka ini dapat dipulihkan semula. Contohnya, program i-Citra kita ada lebih kurang 15— pencarum KWSP pekerja, lebih kurang enam juta pekerja tidak mampu hendak keluarkan i-Citra sebab duit dia sudah habis dalam KWSP, dikeluarkan dalam i-Lestari dan i-Sinar. Jadi Yang Berhormat Bagan tolong tanyakan. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih. Harap ini jadi sebahagian dari ucapan saya.

**Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh [Sri Gading]:** Boleh Yang Berhormat Sri Gading?

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sekejap, saya habis dulu kemudian saya bagi. Okey, ketiga ialah kalau kita lihat di Malaysia ekonomi agak buruk di mana bukan sahaja ramai yang tidak pernah dulu minta bakul makanan, sekarang minta buat kali pertama. Saya rasa itu menunjukkan betapa teruknya kesan ekonomi. Saya harap kerajaan boleh berikan peruntukan yang sama kepada semua kawasan pembangkang seperti mana yang mereka diberikan sebelum ini. Ini kerana untuk bantu orang miskin, sebab di kawasan pembangkang mereka juga adalah rakyat Malaysia. Itulah sebabnya kita harap boleh naikkan bantuan kebajikan kepada RM1,000 untuk kumpulan B40 dan penganggur.

Oleh kerana, inilah yang dijanjikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa berkempen dalam pilihan raya di Sabah. Ini hanya melibatkan kos tambahan RM5 bilion untuk lima bulan akhir tahun ini.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** *[Bangun]*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Kita minta supaya boleh diwujudkan satu sosial *safety net* untuk membantu mereka yang menganggur dan pekerja yang menghadapi masalah *cash flow.*

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam?

**Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh [Sri Gading]:** Yang Berhormat Sri Gading?

**Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bagan. Setelah mendengar apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan menyatakan tentang keadaan kewangan negara yang amat terbatas, dan juga perbelanjaan dari semalam dan sebelum itu kita melihat KKM disebutkan belanja sebanyak RM3.7 bilion. Kementerian Sains belanja hampir RM5 bilion lebih untuk vaksin dan berbagai-bagai. Akan tetapi, malangnya di peringkat akar umbi tidak kelihatan bagaimana kewangan ini dapat diterjemahkan menjadi kenyataan. Bayangkan kemudahan katil di hospital pun tidak cukup.

Bayangkan rakyat kita hendak mendapat oksigen, *one* oksigen, tangki itu *have to be shared by at least two or three people. Sound like* kita dalam keadaan negara yang *third world countries.* Apa yang membimbangkan saya ialah, saya hendak bertanya Yang Berhormat Bagan. Baru-baru ini kita dapat melihat bagaimana pihak kerajaan melakukan iaitu menggunakan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN), RM20 bilion diambil satu

per empat oleh kerajaan untuk membeli vaksin melalui— tidak melalui— tanpa perbincangan Parlimen.

Ini kewangan untuk generasi kita yang akan datang dan selepas itu kita melihat dalam pembinaan 5G, kerajaan tidak menggunakan kaedah yang lain. Malahan kerajaan mengambil seakan-akan kerajaan hendak berbuat*, they want to be a business.* Negara seperti Korea dan Thailand, *they do it in different kind of form to generate income.* Akan tetapi malangnya pada hari ini kita dapat melihat daripada 5G yang ada. Sepatutnya menjana sekurang-kurangnya USD3 bilion, akan tetapi malangnya pada hari negeri kerajaan perlu berbelanja hampir RM11 bilion untuk membina prasarana untuk menggunakan 5G.

**■1200**

Saya ingin menambah sikit, saya hendak bertanya, berapakah jumlah dan nilai kontrak perolehan kerajaan dipecahkan mengikut kementerian yang diberikan oleh kerajaan sejak tahun 2020 hingga 1 Julai 2021. Berapakah jumlah nilai secara runding terus mengikut kementerian pada tempoh yang sama. Terima kasih Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Bagan. Tentang moratorium.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Nanti kejap. Saya habis tentang vaksin, *then* saya bagi. Harap ia boleh jadi sebahagian daripada ucapan saya. Keempat ialah perlunya ada tambahan RM4 bilion untuk sektor kesihatan. Bukan sahaja mengambil semua pegawai kontrak sama ada doktor, *pharmacist* dan juga doktor gigi tetapi juga untuk memastikan sistem sokongan kesihatan dapat ditambah, ICU, katil ICU ditambah dan juga penting sekali ialah vaksinasi. Yang Berhormat Rembau semalam menyatakan 12.5 juta orang rakyat Malaysia telah menerima sekurang-kurangnya satu dos dan daripada 18.8 juta orang dewasa yang mendaftarkan. Oleh sebab 18.8 juta orang dewasa rakyat Malaysia yang mendaftar diri merupakan 80.5 peratus daripada populasi dewasa di Malaysia, 37.6 juta dos diperlukan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)* ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Kerajaan sudah terima 26.4 juta dos, kurang 10.2 juta dos. Mengapa tidak boleh beli 10.2 juta dos supaya semua rakyat dewasa yang mendaftarkan diri boleh di vaksin dengan serta-merta. Tidak payah tunggu tiga bulan. Mengapa kena tiga bulan? Semalam mungkin Yang Berhormat Senator Menteri Kewangan tidak ada, Menteri berkenaan Yang Berhormat Rembau menyatakan tidak ada wang untuk beli 10.2 juta dos. Saya hendak cadangkan keluarkan wang. Pembangkang akan sokong. Ini kerana kita tidak boleh tunggu. Kalau tunggu tiga bulan lagi, tidak tahu berapa ramai akan mati.

**Seorang Ahli:** Ya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Lebih penting kita selamatkan nyawa daripada selamatkan perbelanjaan. *So,* saya harap bahawa jangan tunggu lagi. Pharmaniaga ada 14 juta, kita sekarang kurang 10.2 juta untuk vaksinasi 18.8 juta rakyat Malaysia. Beli daripada Pharmaniaga. Kos dia dianggarkan RM1.5 bilion. Kita mampu keluarkan RM1.5 bilion untuk selamatkan 18.8 juta rakyat Malaysia. Sila.

**Datuk Dr. Shahruddin bin Md Salleh [Sri Gading]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan beri laluan. Cuma hendakkan komen daripada Yang Berhormat Bagan tentang kenyataan yang menyatakan bahawa, minta izin ya, *Malaysians are self-financing themselves through moratorium's and EPF withdrawals* sebanyak RM350 bilion daripada jumlah *packages* yang disebutkan tadi lapan, RM530 bilion. Maknanya rakyat tanggung sendiri. Rakyat tetap sengsara. Itu satu kenyataan yang pertama.

Keduanya ialah stimulus pakej ini telah melupakan langsung sektor pertanian luar bandar kepada petani, nelayan dan penternak. Kalau saya lihat daripada apa yang didapatkan oleh petani, paling banyak RM1 bilion daripada RM530 bilion tadi ya, *zero point percent*, *almost nil, zero.* Dibandingkan dengan *packages* untuk PRIHATIN SME yang mendapat RM10 bilion yang disumbangkan oleh kerajaan. Saya minta komen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon ]:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Saya rasa bukan saya yang jawab. Yang Berhormat Menteri yang jawab. Ini masuk sebahagian ucapan saya. Apa yang penting ialah kita tidak boleh tunggu lagi.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Boleh minta tentang...

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Sekejap. Kita hendak sokong wira-wira kita, *frontliners,* wira-wira di sektor kesihatan. Bagi mereka tambahan RM4 bilion. Kita tidak mahu dengar cerita yang menyayat hati, macam Miss Bowie Kong di mana bapanya dinafikan oksigen, katil, selimut dan juga makanan sebelum beliau mati oleh sebab COVID-19 di Hospital Serdang. *Let us achieve herd immunity* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Let us achieve herd immunity not only through inoculation and infection. We want to achieve herd immunity through inoculation. So,* kelima itu insentif pengambilan kerja sebanyak RM500 sebulan kepada pekerja tempatan dan juga kepada majikan RM300 sebulan untuk mewujudkan peluang pekerjaan.

Kadar pengangguran di kalangan belia di antara umur 15 tahun hingga 30 tahun masih tinggi dan untuk bulan Mei naik 0.5 peratus kepada 9.2 peratus. Ini satu angka yang agak tinggi. Keenam kita harus memudah cara pembukaan semula ekonomi dengan menghapuskan *fictitious differentiation* dengan izin *between essential and non-essential business.* Tidak ada makna langsung. Saya harap penting ialah kita harus tegaskan, disentralisasi, *decentralization and whole of all society effort* adalah kritikal untuk memastikan negara kita balik secara normal dan juga ekonomi balik ke pangkal jalan kerana *centralization of powers* termasuk proklamasi darurat hanya telah menjadi krisis politik, kesihatan, kemelesetan ekonomi dan juga ketidakstabilan politik menjadi lebih teruk lagi. Yang Berhormat daripada Rasah.

**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Singkat, lima minit lagi singkat.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tadi saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat Bagan, bekas Yang Berhormat Menteri Kewangan berkenaan dengan bakul makanan. Tadi dalam ucapan oleh Yang Berhormat Senator Menteri Kewangan ada menyatakan bahawa RM300,000 tersebut sekiranya perlu boleh ditambah.

Jadi saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Bagan apakah RM300,000 kalau secara *one-off,* bagi saya, kawasan saya tidak cukup. Saya rasa semua di sini bersetuju dan semalam Yang Berhormat Arau pun ada cerita, kalau boleh kerajaan bagi setiap bulan sehingga seluruh negara masuk ke Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara. Oleh sebab kalau fasa 4 itu semua sudah boleh kerja.

Jadi kalau boleh kita bagi setiap kawasan melalui pejabat Ahli Parlimen. Cuma bukan saja untuk bakul makanan tetapi untuk benda-benda yang berkaitan dengan COVID-19 termasuk ujian kit tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Kangar minta sikit.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Okey, Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Nanti Kota Melaka, Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Singkat ya.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah peminjam yang telah membuat permohonan untuk mendapatkan moratorium kali ini. Berapakah telah diluluskan dan berapa telah diterima oleh peminjam.

Oleh sebab saya lihat ya banyak bank telah keluarkan moratorium yang baru kepada mereka, pelan mereka tetapi membebankan mereka. Ini diakui oleh bank sendiri. Sebagai contoh ya. Ini surat *letter offer* untuk moratorium kali ini. Bank sendiri

menyatakan, *“please take note that the approved plan offered will incur additional borrowing cost due to the deform installment.”*

Jadi di sini, jangan kerajaan bangga dengan moratorium yang telah diberikan sebab itu bukan moratorium yang benar-benar moratorium. Apa yang kita hendak ialah jangan kenakan *interest.* Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Sikit Yang Berhormat Bagan ya.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Pakej bantuan ini dia tidak harus kita lihat terpisah daripada perbelanjaan keseluruhan termasuk belanjawan. Cuma saya hendak sebut dalam belanjawan yang lepas saya bangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kita kurangkan perbelanjaan sosial dan juga subsidi sebanyak RM3 bilion. Akan tetapi masa itu Menteri Kewangan dia mengelak untuk menjawab, dia kata kita banyak bagi bantuan pakej-pakej ini.

Apa yang saya hendak sebut dalam pengalaman saya bila saya turun dalam satu kes di Kampung Hutan Melintang, DUN Kayang di bahawa Parlimen Kangar, bila saya pergi jumpa dengan makcik ini dia kata dia punya bantuan bulanan daripada JKM sudah ditarik balik. Ditarik balik, apa sebab dia? Oleh sebab anak dia dulu yang bekerja, anak dia sudah hilang kerja semasa PKP, anak dia balik. Oleh sebab anak dia sekarang duduk dengan dia, jadi dia sudah tidak dinilai sebagai tidak layak lagi untuk menerima bantuan JKM.

Inilah kesan dia yang saya cuba tanyakan kepada Menteri Kewangan dekat mana belanja sosial dan juga subsidi yang ditarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon ]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Jadi saya minta ini dipertimbangkan untuk diperbetulkan.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih. Yang Berhormat Pulai.

**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Terlanjur Menteri Kewangan ada di sini, saya minta supaya ada penjelasan supaya penjelasan berapa sebenarnya yang kita bayar untuk vaksin. Oleh sebab 415,000 dihadiahkan oleh United Kingdom, Jepun satu juta, US satu juta. Kita dapat banyak lagi vaksin yang diberikan secara percuma. Maka, saya rasa dengan imbuhan itu, lebih banyak yang boleh kita berikan lagi kepada rakyat Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Terima kasih, ini semua jadi sebahagian dari ucapan saya. Saya pasti Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mampu jawab ini akan gulung dengan baik nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon ]:** Sila Yang Berhormat Bagan. Dua minit lagi.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Akhirnya, ya, saya tahu. Satu ialah tentang pemansuhan Ordinan Darurat. Implikasi kewangan ini besar kerana ada dua Ordinan Darurat berkaitan dengan Kementerian Kewangan.

**■1210**

Satu ialah KWAN di mana RM5 bilion diangkat untuk membeli vaksin. Satu lagi ialah di mana perbelanjaan boleh diluluskan oleh Perdana Menteri tanpa Parlimen iaitu sama ada Bajet Perbekalan ataupun Perbekalan Tambahan (*Supplementary Budget*).

*So*, sekarang apakah implikasi bila ia disebut dimansuhkan sama ada dimansuhkan atau dalam proses saya pun keliru kerana itu pihak Menteri Undang-undang cakap dimansuhkan tetapi Menteri Wilayah Persekutuan cakap dalam proses. Hadir mesyuarat yang sama tetapi keluar cakap lain. Adakah mereka hadir mesyuarat yang sama tidak?

*So*, itu yang menjadi masalah. So, apakah implikasi kewangan daripada KWAN ini berapa dibelanjakan dan kalau ada kekurangan *shortfall* macam mana pihak kementerian akan cari punca yang baharu, semua yang baharu untuk buat imbuhan balik kerana ini satu perkara yang penting. Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya harap bahawa...

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Yang Berhormat Bagan, Kepong.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kepong hendak mencelah, sudah tidak sempat Yang Berhormat Kepong, tidak sempat.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** Yang Berhormat Kepong, sekejap yang Yang Berhormat Kepong.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Saya hendak tanya sama ada kerajaan ada pelan tidak untuk membeli vaksin jenis Johnson & Johnson iaitu jenis satu dos selesai sudah. Ini boleh membantu warga asing yang tanpa dokumen. Mereka dapat satu dos tidak payah pulang untuk kembali untuk *2nd dose* Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan]:** *So*, akhirnya saya hendak gulung. Terima kasih. Harap ini semua – apa yang diharapkan oleh rakyat ialah kita harap vaksin boleh sampai cepat. Kalau perlu gunakan dana yang sedia ada untuk beli lebih banyak, tidak payah tunggu sampai bulan Oktober. Kalau boleh kita tempah dan beli dan harap ia boleh sampai hari ini juga, bulan ini juga.

Oleh kerana jangan kita ulangi kesilapan tahun lepas di mana kerana kita lambat tempah akhirnya vaksin lambat sampai yang mengakibatkan kematian yang begitu tinggi, kes jangkitan yang begitu tinggi. Sudah sampai masanya kita mengakui kesilapan yang berlaku sebelum ini dan sekiranya hati terbuka bersedia untuk kerjasama dengan semua pihak seperti yang saya sebut. Pembangkang sedia berikan kerjasama, berikan peruntukan tambahan RM1.5 bilion untuk beli 10.2 juta dos vaksin yang diperlukan untuk pastikan semua yang daftar boleh dapat dengan segera supaya kita boleh bina sebuah negara yang normal dan lebih baik lagi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Bagan.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Peraturan mesyuarat maaf satu minit. Peraturan Mesyuarat 26(q) dan (l) dan (k) dan juga yang penting 36(12). Ini merujuk kepada kenyataan yang baru dikeluarkan oleh Istana Negara. *[Tepuk].*

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Derhaka, derhaka.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Dengar bagus, bagus.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Istana Negara mengeluarkan kenyataan yang menyebut dengan jelas bahawa kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Md Yassin melanggar prinsip Perlembagaan dan tidak menghormati Institusi Raja. *[Tepuk]*

Kedua, menyebut secara khusus dengan atas nama Menteri Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan telah mengelirukan Dewan Rakyat. *[Tepuk]*

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Letak jawatan.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Rujuk dia!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Tuan Yang di-Pertua, kita sampai bukan sekadar krisis Perlembagaan, penghinaan kepada Raja secara tegas dan usaha menipu Parlimen dan rakyat yang dikeluarkan oleh Istana Negara. Saya mohon ...

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Yang Berhormat Pagoh letak jawatan!

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Baca, baca.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Kenyataan ini baru keluar, Yang di-Pertuan Agong menzahirkan penghargaan atas pelaksanaan persidangan sejajar dengan saranan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu. Seri Paduka Baginda menegaskan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Parlimen.

Perkara 150(2b) dibaca dengan Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan secara jelas memperuntukkan kuasa penggubalan dan pembatalan Ordinan-ordinan Darurat terletak kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Beberapa Ahli:** Daulat Tuanku! Daulat Tuanku!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Maka Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menzahirkan rasa amat dukacita *[Tepuk]* dengan kenyataan dibuat di Parlimen pada 26 Julai iaitu kerajaan telah membatalkan semua ordinan yang dimasyhurkan oleh baginda walhal pembatalan belum lagi diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Rujuk Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Seri Paduka Baginda Agong juga menzahirkan rasa amat dukacita kerana apa yang telah diperkenankan dan dititahkan kepada Yang Berhormat Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun semasa Majlis Menghadap secara maya pada 24 Julai bahawa cadangan pembatalan semua Ordinan Darurat dibentangkan dan dibahaskan di Parlimen bagi tujuan dirungkaikan telah tidak dilaksanakan.

*[Dewan riuh]*

*[Tepuk]*

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Derhaka, derhaka.

**Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Memang derhaka.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Derhaka, derhaka.

**Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Kurang ajar.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Patutlah *Speaker* jaga.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Kenyataan Yang Berhormat Menteri..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekejap, sekejap, senyap.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Melayu *Isle*, Melayu *Isle*..

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Kenyataan Menteri di Parlimen pada 26 Julai adalah tidak tepat dan telah mengelirukan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong turut menegaskan bahawa permohonan pembatalan semua Ordinan Darurat pada 21 Julai telah dilakukan secara tergesa-gesa tanpa pembentangan di Parlimen dan kenyataannya bercanggah serta mengelirukan Parlimen.

Bukan sahaja gagal menghormati prinsip kedaulatan undang-undang yang terkandung dalam Rukun Negara malah telah membelakangi fungsi dan kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong *[Tepuk]* selaku Ketua Umum, Ketua Utama Negara seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Baginda bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri seperti terkandung dalam Perkara 41 Perlembagaan Persekutuan. Baginda maklum namun Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menzahirkan pandangan bahawa baginda selaku Ketua Utama Negara mempunyai kewajipan untuk menyampaikan nasihat dan teguran jika berlaku sebarang tindakan yang tidak berperlembagaan oleh mana-mana pihak.

*[Tepuk]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Muhyiddin letak jawatan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Khususnya mereka yang melaksanakan fungsi dan kuasa di bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Letak jawatan Perdana Menteri!

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menegaskan bahawa Ahli-ahli Parlimen seperti memberikan keutamaan, dengar ini semua, Ahli Parlimen semua dari semua parti dengar kenyataan ini. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menegaskan bahawa Ahli-ahli Parlimen memberikan keutamaan kepada kemaslahatan dan kesejahteraan rakyat serta negara

pada sesi Parlimen ini sedang berlangsung untuk mencari penyelesaian terhadap pelbagai masalah yang dihadapi rakyat dan negara ketika krisis pandemik COVID-19 itu.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengambil kesempatan menyeru rakyat untuk bersama mendoakan agar negara sentiasa berada di bawah lindungan *Allah S.W.T,* dijauhi dari sebarang musibah dan wabak COVID-19 dapat dibendung serta diakhiri dengan segera. *[Dewan riuh] [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih....

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Kenyataan ini jelas...

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Hendak mencelah sedikit, Yang Berhormat Port Dickson. Yang Berhormat Port Dickson, hendak celah sikit.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Kenyataan ini jelas menunjukkan Kabinet yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Md Yassin telah melanggar semangat Perlembagaan, menghina Institusi Raja Berperlembagaan khususnya Yang di-Pertuan Agong dan ini termasuk juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengelirukan Dewan dan oleh yang demikian telah tidak bercakap benar kepada Dewan dan mengelirukan rakyat Malaysia. Kita tidak ada pilihan selain menuntut Perdana Menteri meletakkan jawatan.

*[Dewan riuh]*

*[Tepuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Betul, setuju! Letak jawatan hari ini juga. *[Tepuk]*

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, diam, diam. Minta duduk, minta duduk.

**■1220**

*[Dewan riuh]*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Mana Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Letak jawatan.

**Datuk Seri Haji Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat Pagoh letak jawatan.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Letak jawatan! Penipu!

**Datuk Seri Haji Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** *[Tidak jelas]*

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Dato' Takiyuddin.

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Jangan derhaka!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya baru dimaklumkan ini merupakan peraturan...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Mana Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Peraturan 36(12). Baik.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Mana Tuan Yang di-Pertua? Kita hendak Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua jaga abang.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi pandangan sedikit Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Apakah dia itu?

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua, Batu, Batu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tidak perlu, tidak perlu. Saya rujuk kepada apa peraturan mesyuarat yang hendak dirujukkan.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Peraturan mesyuarat.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Jikalau dibiarkan perkara ini terus berlaku tanpa ada...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Point of order.*

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** ...Sikap *gentleman* daripada Yang Berhormat Kota Bharu dan juga Yang Berhormat Pagoh untuk meletak jawatan...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Point of order.*

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** ...Ia akan menjadi titik hitam dalam sejarah negara kita.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya hendak peraturan mesyuarat mana? Kita dalam – kena patuh kepada peraturan mesyuarat.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Ia akan menjadi *precedent* untuk pemimpin seluruh dunia...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua..

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** ...Dan juga memimpin secara diktator.

*[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Puchong.

*[Dewan riuh]*

***Beberapa Ahli:*** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Puchong adakah rujuk yang sama ke?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua *point of order*. Tuan Yang di-Pertua, minta *point of order* mana saya huraikan. Peraturan Mesyuarat 26(1)(b). Saya baca. Ini apa yang dinyatakan oleh *point of order* tersebut kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam peraturan-peraturan mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam mesyuarat hendaklah didahulukan dengan pemberitahuan kecuali usul-usul yang tersebut di bawah ini dan (b), usul berkenaan dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya memfailkan usul di bawah Peruntukan 26 (1)(p) dan juga 36(12). Saya failkan semalam. Di dalam usul itu saya bawa soal bersama-sama ataupun tidak Yang Berhormat Kota Bharu telah pun mengelirukan Dewan yang mulia ini. Sehingga sekarang tidak ada keputusan. Walaupun ia satu perkara yang patut diberikan keutamaan kerana isu di situ ialah isu yang sangat serius. Isu berkenaan dengan kuasa di bawah Artikel 150(3) sekarang melalui surat dari Istana kita mendapatkan pencerahan. Soalan saya kenapa sehingga sekarang tidak dibenarkan untuk usul itu dibahas?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, saya jawab kan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bukan sahaja setakat Yang Berhormat Kota Bharu. Ini adalah sebuah kerajaan, *networks on collective responsibility.* Semua Yang Berhormat Menteri di situ, mereka tahu.

**Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:** Letak jawatan!

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tahu. Kenapakah Tuan Yang di-Pertua melindungi mereka?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kenapakah Tuan Yang di-Pertua melindungi mereka? Saya mahu satu keputusan sekarang. Minta usul itu dibawa ke depan, kita bincang usul itu sekarang.

*[Dewan riuh]*

*[Tepuk]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Benda yang sama juga. Baik.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua jangan derhaka Tuan Yang di-Pertua. Jangan derhaka! Jangan derhaka!

**Seorang Ahli:** Jangan derhaka!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau Tuan Yang di-Pertua tidak boleh membawa ke depan usul itu, Tuan Yang di-Pertua pun patut letak jawatan!

*[Dewan tepuk]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong dan juga Yang Berhormat Port Dickson tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat kita pun baru dapat...

**Dato’ Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Point of order.*

**Dato’ Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** *Point of Order 99.*

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, Tanjong Karang.

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sekarang kita sebut— *point of order* yang mana?

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua...

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua sebab soalan ini soalan serius. Ini soalan yang amat penting. Saya kalau boleh saya hendak cadang seperti biasa, apabila ada perkara yang agak kontroversi, saya kalau hendak cadang biarlah Dewan ini kita tangguh dahulu. Tangguh sementara.

**Seorang Ahli:** Ya.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tangguh sementara, kalau tidak akan selesai. Tangguh sementara dahulu...

**Dato’ Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Tangguh, tangguh.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** ...Apakah keputusan yang terbaik sebab ini serius melibatkan Perlembagaan 99.

**Dato’ Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Tuan Yang di-Pertua Peraturan 99, Tangguh.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua dengar saya. Tangguh dahulu.

**Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Panggil Tuan Yang di-Pertua masuk balik, panggil Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tangguh sementara.

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masuk, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masuk. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh saya bercakap? Boleh minta yang lain duduk dahulu. Minta yang lain duduk. Minta Ahli-ahli Yang Berhormat duduk dahulu.

*[Dewan riuh]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk dahulu.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Haji Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat Pagoh kena masuk Dewan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Pagoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, kita telah dengar tadi...

**Datuk Seri Haji Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Disebut oleh dua peraturan mesyuarat dan...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua kita tidak boleh menganggap perkara ini tidak berlaku dan kita tidak boleh...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Yang di-Pertua, mana Yang Berhormat Kota Bharu? Mana Yang Berhormat Pagoh? Kenapa lari? Kenapa tidak datang ke Dewan... *[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelutong sila duduk dahulu.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Timbalan Yang di-Pertua, tidak ada kuasa sudah. Sila panggil Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya sekejap. Saya panggil...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Timbalan Yang di-Pertua jaga abang dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Kenyataan ini ialah kenyataan media betul?

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Timbalan Yang di-Pertua jaga abang.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Sila panggil Tuan Yang di-Pertua sekarang.

**Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 99.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ini merupakan kenyataan media yang saya pun baru dapat daripada SUDR bagi saya...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tuan Yang di-Pertua, janganlah hendak melengahkan masa. Kena buat keputusan *immediate.* Ini soal besar.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Buat keputusan secepat mungkin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Setakat kenyataan media...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Kita menjunjung...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** ...Tidak boleh tunggu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya perlu rujuk kepada Pejabat Timbalan Yang di-Pertua kerana ini adalah Peraturan 36(12). Rujuk kepada hak-hak dan kebebasan. Saya tidak mahu hendak mengganggu perbahasan bagi kita teruskan sampai waktu pukul 1.00...

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Pukul 1.00 dan kita masih dalam aturan mesyuarat untuk mendengar pembentangan aturan mesyuarat ini, baik.

*[Dewan riuh]*

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua, jangan derhaka Titah Tuanku.

**Datuk Seri Haji Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Tuan Yang di-Pertua, jangan derhaka Titah Tuanku.

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya boleh juga tangguh 15 minit boleh, boleh tangguh tetapi saya hendak minta pada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak teruskan juga. Baik, sila-sila.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tangguh-tangguh, kena tangguh sampai jam 1.00.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Semporna 15 minit. Sila.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil maklum apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang. Tuan Yang di-Pertua ulas kata ini hanya kenyataan media. Tuan Yang di-Pertua, jangan berdolak-dalik. Kenyataan ini kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Istana Negara langsung. Boleh tengok Facebook buat *live* sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Faham,faham.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Bukan ini kenyataan media biasa. Jangan mempermainkan soal Titah Diraja...

**Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja]:** Sebab itu kena tangguh dahulu tengok semua.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** ...Yang bersangkut paut dengan Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya tangguh dahulu boleh, tangguh dahulu tidak apa.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, kita tangguhkan Dewan Rakyat sebab isu ini isu serius Perlembagaan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Tidak jelas]* Kita tangguh untuk semak. Jangan kata...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kita tangguh dahulu Dewan untuk membincangkan perkara serius.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tangguh, semak, dapat kepastian.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Manakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kita tangguh dahulu Dewan.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tangguh dahulu sampai 2.30 petang.

**Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Tangguh, tangguh, tangguh Dewan.

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua tangguhlah sampai 2.30 petang. Boleh tangguh.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Tangguhkan Dewan. Yang Berhormat Bera, *you say something*-lah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *No, no, no* 15 *minutes.*

**Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Yang Berhormat Bera...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *They can tell us* mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

**Dato' Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** *…You say something, say something.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Minta dia datang jawab, tanggungjawab.

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk. Sila tenang, tenang,tenang.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 12(2) iaitu untuk menangguhkan Mesyuarat ini selama 15 minit untuk saya buat perbincangan di dalam. Sila Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 12.29 tengah hari]***

**■1230**

***[Mesyuarat ditempohkan selama 15 minit]***

**■1240**

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 12.45 tengah hari]***

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)* ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan]:** Mana Tuan Yang di-Pertua?

**Seorang Ahli:** Bukan Tuan Yang di-Pertua ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, *we want another* Tuan Yang di-Pertua, *not you.*

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Tenanglah, tenanglah dulu.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Mana Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua jaga abang... *[Dewan riuh]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Mana Tuan Yang di-Pertua? *Where is the* Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Mana Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Tenanglah, tenanglah dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah adakan sedikit perbincangan dan membuat keputusan untuk menempohkan Mesyuarat ini sehingga pukul satu, *breaktime*. Kemudian dimulakan semula 2.30 petang.

**Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya ulang sekali lagi. Untuk menempohkan sehingga pukul 1, dan disambung semula pada pukul 2.30 petang. Sekian, terima kasih.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 12.46 tengah hari]***

**■1430**

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)* ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**2.32 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Ahli-ahli Yang Berhormat perbincangan masih diadakan berkenaan Aturan Pengurusan Mesyuarat pada hari ini. Sehubungan dengan itu, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 12(2), sekarang ini saya menempohkan mesyuarat pada hari ini sehingga pukul 3.30 petang. Terima kasih.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 2.32 petang]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.30 petang]***

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)* ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**3.30 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat, pemakluman Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua telah menerima surat pemakluman daripada Ketua Pengarah Kesihatan yang berbunyi begini.

Dukacita dimaklumkan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah dimaklumkan pada 29 Julai 2021, jam 12 tengah hari mengenai dua kes positif COVID-19, yang telah hadir ke Parlimen... *[Dewan riuh]*

Kes pertama ialah seorang petugas yang telah hadir ke Parlimen sejak hari Isnin 26 Julai 2021, sehingga Rabu 28 Julai 2021, dengan nilai kitaran ambangnya- *CT value 18.7- below 20, high viral load and infectivity.*

Manakala kes kedua, dikesan positif pada hari Khamis 29 Julai 2021, semasa saringan di Parlimen menggunakan ujian kendiri- *RTK-Ag Saliva*.

Penilaian risiko berdasarkan maklumat siasatan awal mendapati kedua-dua kes tersebut dikhuatiri telah berada di beberapa buah lokasi di sekitar Parlimen semasa tempoh tersebut.

Sehubungan dengan itu, dipohon saringan gejala dan ujian saringan pengesanan COVID-19 dijalankan ke atas semua yang hadir dan berada di Parlimen Malaysia termasuklah semua Ahli Parlimen, pegawai-pegawai, warga Parlimen dan pekerja-pekerja. Tiada siapa dibenarkan keluar dari Kompleks Parlimen sehingga keputusan diperoleh.

Ujian saringan akan dilakukan di Pintu 3 Blok Utama yang akan mula beroperasi- sejak semalam pun. Keutamaan diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Mesyuarat ditempohkan sehingga jam 5.15 petang- Peraturan Mesyuarat 12(2). Sekian, terima kasih.

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 3.35 petang]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 5.08 petang]***

**■1710**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato’ Mohd Rashid Hasnon)* ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, hasil daripada ujian saringan *RTK-Ag Saliva* yang masih sedang dijalankan di Parlimen...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, kita teruskanlah. Kenapa kita hendak buat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Didapati dua lagi kes positif yang baharu telah dikesan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...*Two more.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa kaitan dengan ini semua ini? Tiada kaitan semualah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Peringkat seterusnya ialah penilaian risiko oleh pihak Kementerian Kesihatan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...Ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai yang telah berada di Kompleks Parlimen pada hari Isnin 26 Julai, Selasa 27 Julai, Rabu 28 Julai yang lalu tetapi tidak hadir pada hari ini maka disarankan untuk menjalani ujian di mana-mana klinik yang berdekatan dengan kadar segera.

Jadi jumlahnya setakat ini, ada seramai empat orang yang telah dijangkiti positif COVID-19.

Selaras dengan itu, dengan Peraturan Mesyuarat 12(2), sekarang saya menempohkan mesyuarat sehingga...

**Seorang Ahli:** Apakah ini?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Apakah ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ... Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 2 Ogos 2021.

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat..

*[Dewan riuh]*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.20 petang]***

---

***Nota:***

*Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen ke-14 bagi Dewan Rakyat pada Isnin, 2 Ogos 2021 ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan ditetapkan kelak.*